

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
*Ninth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

---

**Jilid II                      Bil. 11                      Hari Khamis                      11hb. April, 1996**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan                      )**

**USUL-USUL:**

Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian  
Pilihanraya) (Negeri Sarawak) 1996                      Ruangan                      )

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat(Ruangan                      )

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Pampasan Pekerja (Pindaan) 1995                      (Ruangan                      )

**DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN****PENYATA RASMI PARLIMEN****Penggal Yang Kedua****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Leo Michael Toyad, J.B.S. (Mukah)

- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)

- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Azmi bin Khalid, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Tan Chai Ho, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)

- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

Yang Berhormat Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)

- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)

- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)

Yang Berhormat Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)

“ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

“ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)

“ Tuan Radin Malleh (Tenom)

“ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

“ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

“ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

“ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

Yang Berhormat Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

“ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

“ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

“ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

“ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

“ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

“ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

“ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

“ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

Yang Berhormat Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,  
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaharah binti Naim  
Norwahidah binti Azizi  
Jainah binti Sakimin  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop  
Shamsina binti Janor

Bentara Mesyuarat: Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 11hb. April, 1996**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**LESEN PENASIHAT PELABURAN - JUMLAH DIKELUAR  
DAN DIDAFTARKAN**

**1. Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah lesen penasihat pelaburan yang telah dikeluarkan dan didaftarkan dengan kementerian; dan
- (b) berapakah jumlah yang telah dikeluarkan menjalankan urusan dan berapa pula yang dormen; dan adakah pihak kementerian bercadang untuk menarik balik lesen yang dikeluarkan tetapi didapati tidak aktif langsung.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah lesen penasihat pelaburan yang telah dikeluarkan dan didaftar dengan Kementerian Kewangan ialah 35 buah syarikat.

- (b) Sehingga kini tiada satu syarikat pun yang dormen kerana kesemua 35 buah syarikat yang telah dikeluarkan lesen penasihat pelaburan adalah aktif dan telah menjalankan urusan masing-masing.

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sering mendengar bahawa ramai penasihat-penasihat pelaburan tempatan menjadi pengikut atau 'follower' dan bukan menjadi 'market leader' kalau dibandingkan dengan penasihat-penasihat pelaburan asing. Saya ingin tahu sejauh manakah kepakaran serta pengalaman yang ada kepada penasihat-penasihat pelabur tempatan kita dan apakah usaha atau langkah-langkah kerajaan bagi meningkatkan supaya mereka ini lebih mempunyai keyakinan serta boleh kita gerakkan menjadi 'market leader' dalam urusan atau kerjaya mereka dalam memberikan nasihat kepada pelabur-pelabur di negara kita ini selain daripada menjadi 'market follower'?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, semasa syarikat-syarikat penasihat pelaburan diluluskan, beberapa perkara telah ditimbang seperti kelayakan dan pengetahuan pengarah dan setiausahanya dan juga semasa lesen wakil penasihat pelaburan diluluskan, juga ditimbang dari segi kelayakan akademik, pengetahuan mengenai industri sekuriti yang sewajarnya dan juga dari segi pengalaman dan rekod jenayah dan sama ada dia seorang bankrap ataupun tidak.

Saya tidak begitu bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat berkenaan iaitu penasihat pelaburan tempatan telah menjadi pengikut pasaran. Yang sebenarnya dalam bidang ini memang mempunyai asas dan dasar untuk menjalankan

analisa dan pelunjuran satu-satu syarikat. Jadi, berdasarkan kepada perkara itu, dikemukakan nasihat-nasihat kepada pelanggan masing-masing. Walau bagaimanapun, terdapat juga unsur-unsur 'variables' yang tidak dapat ditentukan oleh sesiapa pun. Kalau perkara itu diambil kira, perkara itu telah menjadi unsur spekulatif. Kalau begitu, tentulah ada yang tepat, ada juga ramalan dan nasihat yang tidak begitu tepat.

Untuk menggalakkan supaya penasihat tempatan itu adalah terdedah kepada pengalaman ataupun keadaan di seluruh dunia, kerajaan telah membenarkan supaya tidak lebih daripada 30% ekuiti dibenarkan kepada syarikat-syarikat asing dalam syarikat-syarikat yang telah didaftarkan dalam negara ini.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mengetahui apakah jenis lesen-lesen yang dikeluarkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti dan apakah garis-garis panduannya pula?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, jenis lesen yang boleh dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti ialah:

- (i) lesen peniaga;
- (ii) lesen wakil peniaga;
- (iii) lesen penasihat pelaburan; dan
- (iv) lesen wakil penasihat pelaburan.

Manakala berkaitan dengan syarat-syarat permohonannya adalah sepertimana yang saya telah katakan, iaitu:

- perlulah ditetapkan modal yang berbayar, ada sesuatu satu jumlah dan juga aset yang telah ditetapkan;
- penglibatan bumiputera tidak kurang daripada 30%;
- pengarah dan setiausaha syarikat, termasuk juga wakil-wakil syarikat itu mempunyai pengalaman, kelayakan akademik dan juga mempunyai latar belakang yang bersih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Dr. Yap Yit Thong.

*[Soalan No.2 - Y.B. Dr. Yap Yit Thong [Lumut] tidak hadir]*

#### **SUMBER MANUSIA YANG BERTEKNOLOGI TINGGI - PENYEDIAAN**

3. **Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Sumber Manusia menegaskan apakah perancangannya untuk menyediakan sumber manusia yang berteknologi tinggi demi memenuhi keperluan masa depan negara. Apakah pula perancangannya untuk memberi latihan yang sewajarnya kepada kumpulan pekerja separuh mahir yang kini berkhidmat dengan pihak swasta supaya mereka juga tidak tertinggal dan disisih oleh arus industri berteknologi tinggi.

#### **23.4.96**

22. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada kementerian mengadakan program atau rancangan untuk melatih pekerja-pekerja di kilang-kilang supaya menjadi tenaga cukup mahir untuk menangani cabaran menjelang abad ke-21.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kluang yang dijadualkan pada 23hb. April, 1996 kerana ianya mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin ditegaskan bahawa usaha negara bagi menyediakan sumber manusia berteknologi tinggi bagi keperluan masa depan negara dan juga untuk meningkatkan kemahiran pekerja yang sedia ada, adalah suatu usaha yang sedang dan perlu dibuat bersama dengan semua kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang terbabit, iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Usahawan, MARA dan lain-lain lagi. Di samping itu, pihak swasta menerusi kolej-kolej swasta yang sedang digalakkan penubuhannya juga memainkan peranan.

Bagi pihak Kementerian Sumber Manusia, pihak kami melaksanakan tiga inisiatif utama bagi menyediakan sumber manusia yang mahir dan sesuai dengan teknologi yang diperlukan masa kini dan masa akan datang. Inisiatif-inisiatif itu membabitkan penyediaan tenaga kerja di peringkat pra-pekerjaan, peringkat dalam perkhidmatan (in-service) dan galakan-galakan kepada sektor swasta untuk mendorong mereka meningkatkan penglibatan dalam program latihan teknikal dan vokasional. Bagi peringkat pra-pekerjaan, usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia adalah:-

- (i) menubuhkan 6 buah Institut Latihan Perindustrian baru, 3 buah Pusat Latihan Kemahiran dan Teknologi Lanjutan (Advanced Skill and Technology Training Centre - ASTEC) dan sebuah Japan-Malaysia Technical Institute, di samping mempertingkatkan infrastruktur latihan di 9 buah ILP dan sebuah

Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) yang sedia ada di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh;

- (ii) memperkenalkan kursus-kursus baru di Institut Latihan Perindustrian yang lebih relevan kepada keperluan industri semasa dan masa hadapan, di antaranya, dengan izin, automated manufacturing, communication technologies, computer-aided-design, computer-aided-manufacturing, computer numerical control, microelectronics dan technology management. Kursus-kursus ini akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut keperluan; dan
- (iii) melaksanakan Skim Perantisan untuk membolehkan majikan melantik lepasan sekolah sebagai perantis untuk dilatih di dalam bidang kemahiran tertentu. Skim Perantisan pertama bagi industri elektronik dijangka akan dilancarkan sebelum bulan Mei ini. Lain-lain industri yang telah dikenal pasti untuk Skim Perantisan ialah industri perhotelan, plastik, perkayuan, besi dan besi keluli dan tekstil. Melalui skim ini, majikan layak mendapat bantuan kewangan pada kadar 95% daripada kos latihan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

Di peringkat dalam perkhidmatan pula, Kementerian Sumber Manusia menawarkan program yang dikenal sebagai Time Sector Privatisation Scheme, dengan

izin, untuk membolehkan sektor swasta menggunakan kemudahan latihan di institut latihan awam dalam bentuk peralatan dan tempat latihan bagi melatih pekerja-pekerja mereka. Latihan-latihan separuh masa dan jangka pendek ini dikendalikan oleh institut ataupun industri itu sendiri pada waktu petang, hujung minggu atau semasa cuti semester institut berkenaan.

Selain dari program-program latihan yang disebutkan di atas, pekerja semua peringkat pekerjaan yang sedang bekerja di sektor perkilangan dan perkhidmatan diberikan peluang untuk mengikuti latihan bagi meningkatkan kemahiran mereka dengan menggunakan kemudahan di bawah skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Sukalah saya memaklumkan bahawa sejak skim tersebut beroperasi pada 1hb. Julai, 1993 sehingga 15hb. Mac, 1996, seramai 807,101 orang pekerja telah diluluskan untuk dilatih semula dan ditingkatkan kemahiran mereka membabitkan peruntukan kewangan sebanyak RM164.03 juta.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan sektor swasta melibatkan diri secara langsung di dalam industri latihan, Kementerian Sumber Manusia telah menawarkan Skim Pinjaman Faedah Rendah kepada kumpulan industri, persatuan-persatuan majikan dan institut latihan swasta untuk membolehkan mereka menambah mesin dan peralatan latihan dalam bidang teknikal, pembinaan bengkel dan pembelian peralatan latihan khususnya dengan teknologi baru. Selain itu, sektor swasta juga disediakan galakan-galakan cukai tertentu, di antaranya adalah:-

- (i) sumbangan wang tunai, mesin dan peralatan kepada institut latihan teknikal dan vokasional kerajaan dan separa kerajaan dibenar sebagai potongan cukai pendapatan;
- (ii) syarikat swasta yang menubuhkan institut latihan teknikal dan vokasional baru atau membuat pelaburan tambahan bagi maksud meningkatkan alat kelengkapan atau membesarkan keupayaannya layak mendapat galakan Elaun Cukai Pelaburan 100% selama 10 tahun; dan
- (iii) institut-institut latihan teknikal dan vokasional layak mendapat pengecualian duti import, cukai jualan dan duti eksais ke atas bahan pendidikan, alat kelengkapan, mesin dan jentera yang digunakan.

Akhir sekali, kerajaan yakin bahawa dengan perancangan-perancangan yang telah disediakan dan dilaksanakan serta penglibatan yang lebih aktif daripada sektor swasta, maka usaha kita untuk menyediakan tenaga kerja yang mahir dan terlatih sesuai dengan perkembangan teknologi semasa akan dapat dicapai dengan jayanya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab dengan begitu panjang lebar membela pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan bahawa Human Resources Development Fund ini telah pun dijalankan oleh pihak swasta. Saya ingin tahu, adakah

pihak swasta ini maknanya mengagihkan peluang ini sama rata ataupun hanya kepada satu etnik ataupun mereka mengagih sama rata mengikut dasar kerajaan?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, Human Resources Development Fund iaitu Tabung Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia adalah dikendalikan oleh suatu majlis kerajaan dan semua syarikat-syarikat swasta yang dalam berbagai-bagai kategori dikehendaki membayar levi sebanyak 1% dari jumlah gajinya itu dan selepas itu, syarikat-syarikat yang membayar levi itu boleh pula menggunakan balik wang yang mereka bayar itu bagi maksud melatih semula ataupun meningkatkan kemahiran pekerja mereka itu sendiri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada satu kenyataan daripada Sekolah Kajian Komputer ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sila tekan mikrofon.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada satu kenyataan daripada Sekolah Kajian Komputer USM yang menyatakan bahawa peruntukan-peruntukan yang ada dalam universiti-universiti dan institusi pengajian tinggi tidak cukup untuk memastikan ada sumber manusia berteknologi tinggi untuk menyahut era masyarakat maklumat. Kalau mengikut peruntukan-peruntukan dan tempat-tempat yang sedia ada, bahawa universiti-universiti dan IPT-IPT baru boleh menampung mungkin 20% keperluan

sahaja kalau Malaysia mahu menjadi satu masyarakat maklumat dengan program-program semacam Multimedia Super Corridor. Apakah rancangan kerajaan, adakah satu national strategy, bukan sahaja melibatkan kementerian Yang Berhormat tetapi Kementerian Pendidikan dan kementerian-kementerian yang lain untuk mengatasi masalah ini supaya sumber manusia berteknologi tinggi tidak akan menjadi satu bottleneck yang serious untuk menghalang Malaysia menjadi satu masyarakat maklumat?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan semalam dalam perbahasaan pindaan kepada Akta Sumber Manusia, memang kerajaan ada strategi yang berbagai-bagai untuk memenuhi keperluan sebagaimana yang dinyatakan oleh pihak Ahli Yang Berhormat, tetapi sudah tentu ini akan mengambil masa yang panjang, tetapi saya rasa sudahpun ada ketegasan dan ini jelas dari beberapa kenyataan yang telah pun dibuat oleh Menteri Pendidikan sejak beberapa bulan yang lalu.

Saya yakin keperluan itu mungkin tidak dapat menampung seratus peratus segala yang perlu dibuat, tetapi nampaknya sekarang, sekurang-kurangnya sudah ada satu ketegasan yang bersungguh-sungguh untuk memenuhi masalah tersebut.

#### **KESESAKAN LALULINTAS - KEBERKESANAN KEMPEN KONGSI KERETA**

**4. Tuan Haji Wan Mohd. Jamin bin Mahmood [Tumpat]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) sejauh mana keberkesanan kempen car-pool yang telah dilancarkan tahun lalu dalam menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas terutamanya di ibu negara;

- (b) adakah cadangan penggunaan basikal/motosikal di jalan raya di Malaysia boleh dijadikan alternatif kepada masalah kesesakan lalulintas.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee**

**Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) kempen perkongsian kereta telah pun mewujudkan kesedaran di kalangan orang ramai terutama pemilik-pemilik kereta persendirian tentang kebaikan berkongsi kereta dalam mengatasi masalah kesesakan jalan raya. Sungguhpun terdapat pertambahan bilangan mereka yang berkongsi kereta, ianya masih tidak dapat mengatasi masalah kesesakan jalan raya di ibu negara. Ini adalah kerana terdapat pertambahan pesat tahap lalulintas ataupun traffic volume, dengan izin, di jalan raya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini pula, kempen perkongsian kereta hanya merupakan salah satu langkah kecil dalam jangka pendek (supportive short term measures) dengan izin, yang diperkenalkan untuk membantu mengurangkan kesesakan jalan raya di ibu negara.
- (b) dari segi teori penggunaan basikal ataupun motosikal boleh dijadikan alternatif kepada masalah kesesakan lalulintas jika penggunaannya diikuti pengurangan penggunaan kereta-kereta persendirian di jalan raya yang berkenaan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah jangka tidak ada orang lain hendak tanya. Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, cumanya saya hendakkan kepastian, adakah kementerian berpendapat bahawa hasil daripada sistem kempen yang sedemikian akan lebih berkesan di masa akan datang, walaupun dalam keadaan sekarang ianya tidak begitu berkesan pada hemat kementerian dan saya hendakkan satu kepastian yang benar-benar (komitment) yang diberikan oleh kementerian. Sejauh manakah ianya akan memberikan kekesanan yang positif untuk masa-masa akan datang?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Jelebu, sukacita saya memberitahu Dewan yang mulia ini iaitu kempen perkongsian kereta memang merupakan satu salah satu cara yang mana kesesakan lalulintas dapat dikurangkan. Bukannya masalah ini dapat diatasi samasekali, cuma dapat mengurangkan kesesakan jalan raya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur.

Untuk menjadikan sistem perkongsian kereta ini lebih berkesan, kementerian berpendapat bahawa satu keadaan yang mana public transport ataupun perkhidmatan pengangkutan umum harus diwujudkan dahulu oleh kerajaan sebelum sistem ini betul-betul mencapai tahap yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, kedua sebelum sistem perkongsian kereta ini dapat mencapai kekesanannya, memang kita harus melihat kemajuan pada keseluruhan

sistemnya. Dalam perkataan lain, dalam ibu kota Kuala Lumpur kita senantiasanya mengadakan beberapa cara untuk mengurangkan kesesakan dalam bandaraya seperti berusaha untuk mengadakan semua syarikat-syarikat bas ataupun perkhidmatan pengangkutan umum digabung menjadi satu dan pada masa yang sama rail ataupun commuter train dapat juga diadakan. Bila kita sampai ke tahap itu, kemungkinan konsep perkongsian kereta dapat mencapai keberkesanannya, sebab ramai orang dapat berkongsi kereta dari rumah pergi ke pejabat selepas itu mereka tidak semestinya kena berkongsi kereta untuk balik ke rumah sebab mereka dapat memilih pengangkutan alternatif yang lain seperti bas ataupun commuter train.

**Tuan Tan Kok Wai:** Jawapan Setiausaha Parlimen tadi itu merupakan satu pengakuan bahawa kempen perkongsian kereta itu satu kegagalan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hanya sebut kesedaran tetapi kebenarannya ialah kesedaran oleh orang ramai bahawa kempen ini adalah gagal - inilah kesedaran. Apa yang penting dalam kempen yang membelanjakan berjuta-juta ringgit wang rakyat ialah menimbulkan satu result yang berfaedah, bukan setakat kesedaran di mana orang ramai tahu kegagalannya, yang penting ialah penyertaan orang ramai - di mana penyertaannya? Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kempen ini gagal, hanya satu pihak yang berjaya iaitu syarikat pengiklanan yang mengaut keuntungan besar-besaran. Syarikat iklan yang menjadi kawan karib kepada bos Yang Berhormat. Ini satu kenyataan dan satu fakta.

Kempen ini telah terbukti gagal dan boleh dibuktikan dengan dua alasan, pertama, pihak kerajaan tidak berani lagi sebut di mana-mana selain daripada memberi jawapan di Dewan ini terhadap kempen perkongsian kereta kerana dia sudah terbukti gagal. Kedua, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, jangan berucap. *[Menyampuk]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Kedua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa ini adalah alasan mengapa kegagalan kempen perkongsian. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bertenang, bertenang. Yang kedua - terakhir.

**Tuan Tan Kok Wai:** Yang kedua, kegagalan buktikan bahawa ini adalah satu reaksi guilty conscious. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Kedua, kegagalan ini dibuktikan oleh, misalnya di Kuala Lumpur, kesesakan lalulintas semakin hari semakin teruk. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat berapa wang yang telah dibelanjakan untuk kempen yang gagal itu?

**Tuan Chor Chee Heung:** - Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya pun tidak faham, apa sebab Yang Berhormat dari Cheras ini bertanya soalan yang begitu mudah dengan begitu beremosi. Kemungkinan sekarang kepentingan-kepentingan pihak DAP tidak dirasa oleh rakyat, jadi mereka harus melepaskan geram.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Yang Berhormat dari Cheras adalah begitu senang. Sebenarnya, kalau tidak ada soalan pun kita boleh anggap ini sebagai satu tuition class, dengan izin. *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua, kempen perkongsian kereta ini bukan satu matlamat yang muktamad yang mana kesesakan jalan di Bandar Raya Kuala Lumpur ataupun di ibu kota negara kita diselesaikan dengan sekaligus. Seperti yang saya katakan tadi ini merupakan salah satu cara jangka pendek sahaja (short term measures) dan ini adalah merupakan salah satu di antara banyak langkah lagi dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Cheras - tadi saya lupa sebut, sejak kempen perkongsian kereta dimulakan, iaitu sejak tahun 1992, 2 jenis kajian telah pun dilakukan oleh pihak Kementerian Pengangkutan dan didapati pertambahan kenderaan bercorak HOV (bukan HIV) - High Occupancy Vehicle, dengan izin, telah bertambah sebanyak 14% yang memasuki bandar raya Kuala Lumpur. Pada hemat Kementerian Pengangkutan, dalam masa 2 tahun ini 14% pertambahan kereta HOV yang masuk ke bandar Kuala Lumpur boleh dikatakan satu pencapaian yang baik. Itulah sahaja yang saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Datuk Song Swee Guan.

*[Soalan No. 5 - Y.B. Datuk Song Swee Guan [Bandar Kuching] tidak hadir]*

#### **RACUN DI BIDANG PERTANIAN - KAWALAN**

6. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Pertanian menyatakan bilangan racun serangga, racun kulat dan racun herba yang digunakan dalam bidang pertanian. Secara ringkas, sila sebutkan nama saintifik satu per satu. Apakah langkah-langkah

yang digunakan untuk mengawals-eliakan racun-racun tersebut dalam sayur-sayuran dan buah-buahan yang dieksport dan diimport. Apakah bilangan kes penyalahgunaan racun-racun ini yang ditangkap dan dihadap ke mahkamah.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua;

(i) **Bilangan Racun Berdaftar**

Sehingga akhir bulan Disember, 1995 sebanyak 1810 keluaran racun perosak telah didaftarkan oleh Lembaga Racun MakhluK Perosak yang terdiri daripada 280 jenis bahan aktif. Daripada bilangan tersebut, sebanyak 544 adalah racun rumpai, 519 racun serangga, 191 racun kulat, 49 racun tikus dan 343 racun kegunaan di dalam rumah dan lain-lain racun perosak ialah 64.

Secara ringkasnya kebanyakan racun perosak yang didaftarkan adalah terdiri daripada racun perosak dari kumpulan kimia 'organophosphate', 'carbamate', 'EBDC', 'synthetic pyrethroid' dan lain-lain racun yang dimasukkan di dalam kumpulan 'miscellaneous'.

(ii) **Kawalan Sisabaki Racun Perosak**

Kawalan sisabaki racun perosak di dalam sayur-sayuran dan buah-buahan termasuk yang diimport adalah melalui penguatkuasaan Peraturan-peraturan Makanan Tahun 1985 di bawah Akta Makanan 1983 yang dilaksanakan dan dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan.

(iii) **Kesalahan Melanggar Akta Racun Perosak**

Dari segi penguatkuasaan Akta Racun MakhluK Perosak 1974 pula, dalam tempoh tahun 1983 hingga 1995 sebanyak 3,581

serbuan/pemeriksaan ke premis-premis yang disyaki melanggar peruntukan akta telah dijalankan di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut sebanyak 1,021 rampasan telah dilakukan. Sebilangan kes telah dibawa ke mahkamah kerana melanggar peraturan akta ini di mana 500 kes telah didapati bersalah atau mengaku salah dengan nilai denda yang telah dijatuhkan oleh mahkamah berjumlah RM491,165.00 dalam tempoh tersebut.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini untuk semua orang, tidak kira partilah, sebelah situ, sini pun terlibat juga, sayur-sayuran dan buah-buahan sama ada import ataupun eksport.

**Seorang ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap, sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri pun dia buat kerja, buat homework, dia hendak jawab. Jangan kita bising sekarang ini.

**Seorang ahli:** Ini ada berapa mood?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun mengambil beberapa tindakan termasuk rampasan dan ada juga dihadapkan ke mahkamah dengan denda sampai setengah juta. Bolehkah Yang Berhormat terangkan mengapa di negara-negara seperti Singapura,

apabila mereka mengambil tindakan, tindakan mereka adalah berkesan? Sangat berkesan. Misalnya mereka buat keputusan bahawa ada setengah-setengah jenis sayur-sayuran dari Cameron Highlands yang tidak layak mengikut kriteria mereka dan kemudian tindakan yang tegas, ketat dan berkesan diambil sehingga tiap-tiap kali kita hantar sayur-sayuran dari Malaysia ataupun negara yang lain masuk ke Singapura, itu memang mematuhi kriteria yang diperlukan oleh pihak Singapura. Mengapa di Malaysia kita tidak boleh buat dengan berkesan, adakah kerana banyak penyeludupan dari Thailand ataupun dari negara-negara lain masuk ke negara ini? Dan saya tidak pernah dengar mengenai penggunaan racun ini di pihak tempatan sama ada petani atau pekebun tempatan, sama ada, ada kawalan yang ketat ke atas mereka. Banyak lagi sebenarnya...

**Tuan Noh bin Omar:** Sangkaan jahat.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong bahawa sebagaimana Yang Berhormat mengetahui, kalau kita hendak memasarkan barangan sayur atau sesuatu untuk dieksport, maka kita hendaklah mematuhi syarat-syarat import negara-negara yang hendak mengimport, kalau tidak, sudah pasti kita tidak akan dapat mengeksport. Begitu juga apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, di Singapura, tindakannya agak berkesan kerana kita mesti memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Singapura, sebab itu kita mematuhi, kalau tidak barang kita tidak boleh masuk. Begitu juga import dari negara-negara jiran kita yang lain ke negara kita, misalnya

kobis. Kita juga mengehend dan menentukan syarat-syarat kandungan racun yang boleh dimasuki ke negara kita. Langkah tersebut amat berkesan untuk masuk ke negara kita, tetapi yang menjadi masalahnya yang tidak berkesan ini ialah para petani yang menanam sayur untuk kegunaan dalam negeri. Kerana di Singapura tidak berapa kerat sangat penanam sayur, yang ramai berpuluh-puluh ribu penanam sayur ialah di negara kita, Malaysia. Apatah lagi, pendidikan mereka rata-rata hanya berpendidikan rendah ataupun setengahnya masih ada yang tidak boleh membaca pun ada lagi.

Jadi, segala arahan dan syarat-syarat yang dikenakan itu agak memakan masa. Kementerian saya akan mengadakan kursus/seminar bagi mendedahkan lagi bahaya racun-racun perosak makhluk bukan sahaja untuk jangka panjang tetapi juga jangka pendek. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP akan menyokong supaya kesedaran rakyat terhadap bahaya racun ini akan sama-sama menjadi tanggungjawab bersama.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan mengenai harga racun. Adakah pihak kementerian sedar bahawa dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini harga racun ini telah naik hampir 50% sedangkan subsidi racun yang kerajaan beri kepada para petani tidak mencukupi. Jika pihak kementerian sedar, apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu para petani?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Sebagaimana yang telah saya tegaskan tadi bahawa penyalahgunaan racun ini

hendaklah kita kurangkan, jadi kalau harga racun itu semakin tinggi, maka penjimatan itu mungkin diberi perhatian.

Jadi, kementerian saya macam biasalah, setengah-setengah terutama PPRT, bantuan racun dan sebagainya akan terus diberi, tetapi kepada petani komersial, mungkin kita tidak dapat memberi bantuan. Kita bersimpati bahawa dengan kenaikan harga racun itu diharapkan petani-petani kurangkan menggunakan racun, sebaliknya menanam sayur dengan teknologi baru iaitu dengan menggunakan “netting system” ataupun menggunakan yang kita panggil di kampung “menanam sayur dalam kelambu” atau mengadakan “hydroponic” dengan tidak banyak menggunakan racun-racun serangga.

#### **PEKELILING ANGKATAN TENTERA - ELAUN WILAYAH**

7. **Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading]** minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapakah anggota-anggota tentera yang berasal dari Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung tidak dibayar elaun Wilayah sebagaimana anggota-anggota tentera yang berasal dari Semenanjung yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak. Dan mengapakah terdapat perbezaan dalam Pekeliling Angkatan Tentera yang diguna pakai sekarang.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggota tentera yang berasal dari Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung tidak dibayar elaun Wilayah sebagaimana yang diberikan pegawai, kakitangan awam serta anggota polis. Pemakaian pekeling yang berkaitan elaun tersebut belum dipanjangkan lagi kepada perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia.

Kementerian Pertahanan telah mengkaji perkara ini dan telah mengemukakan perakuan kepada agensi pusat untuk dibuat penyesuaian supaya selari dengan apa yang diberikan kepada anggota kakitangan awam serta polis dan perkara ini masih dalam pertimbangan pihak kerajaan.

**PERKHIDMATAN TELEFON DAN POS DI PEDALAMAN SARAWAK -  
PEMBEKALAN**

**8. Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:-

- (a) adakah kerajaan bercadang untuk membekalkan telefon menggunakan solar ataupun Atur bagi sekolah, kampung dan rumah panjang di pedalaman negeri Sarawak; dan
- (b) apakah sistem pos yang dilaksanakan oleh kerajaan setakat ini supaya penduduk di pedalaman negeri Sarawak boleh mengirim dan menerima surat dengan cepat dan mudah.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan memang bercadang untuk membekalkan perkhidmatan telefon di kawasan pedalaman iaitu ke seluruh kampung dan rumah panjang di kawasan pedalaman Sarawak dengan memberi kemudahan teknologi moden yang bersesuaian iaitu dengan menggunakan sistem radio in local loop ataupun rel bagi kawasan-kawasan yang mendapat bekalan elektrik. Sistem ini tidak memerlukan talian kabel dan tiang, sebaliknya boleh dipasang terus di rumah-rumah dengan menggunakan antena sahaja.

Bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai bekalan elektrik, Telekom Malaysia memberi perkhidmatan telefon awam menggunakan tenaga solar.

- (b) Bagi kawasan-kawasan pedalaman yang rendah tahap permintaan perkhidmatannya, Pos Malaysia telah dan akan menubuhkan perwakilan pos untuk kemudahan penduduk-penduduk tempatan mengikut dasar yang sedia ada.

Di negeri Sarawak, Pos Malaysia merancang untuk menubuhkan 10 buah perwakilan pos di kawasan-kawasan pedalaman tiap-tiap tahun.

Sehingga kini, bagi daerah Baram, perwakilan-perwakilan pos telah dapat ditubuhkan di Bario, Long Akar, Long Atip, Long Lelang, Long Seridan dan di Long Nipong. Di samping itu, di kawasan Long Lama, wakil pos telah juga ditubuhkan di Long Miri dan Long Tilah.

Walaupun bagaimanapun, Pos Malaysia menghadapi masalah mencari orang yang sesuai untuk bersetuju dilantik menjadi wakil pos dan kesukaran pengangkutan yang tidak regular, dengan izin.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Kita memang menerima hakikat bahawa di Sarawak itu besar dan banyak tempat-tempat di kawasan pedalaman yang menghadapi masalah pengangkutan. Walaupun kementerian ataupun Pos Malaysia mengadakan wakil-wakil pos di kawasan

pedalaman, tetapi penghantaran surat masih tetap mengambil masa yang panjang oleh kerana masalah pengangkutan dan penghantaran.

Jadi, pernah saya bangkitkan dahulu sama ada pihak Pos Malaysia bercadang untuk mengadakan penghantaran pos dari kawasan pedalaman ke bandar-bandar yang dekat menggunakan helikopter sebagai salah satu social service post dan adakah ini difikirkan ataupun Pos Malaysia tidak berkehendak menjalankan social obligation mereka di kawasan-kawasan yang terpencil?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini masih di dalam pertimbangan pihak Pos Malaysia.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, beliau telah mengatakan bahawa ada kalanya terdapat tempat, khususnya di kawasan pedalaman susah untuk mendapatkan orang untuk menjadi wakil pos. Jadi, apakah masalah sebenarnya dan apakah cadangan untuk mengatasi masalah ini?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar sukar hendak mendapat orang untuk menjadi wakil pos di kawasan pedalaman. Faktor utama yang menyebabkan perkara ini berlaku ialah di kawasan pedalaman, seseorang yang mengendalikan aktiviti wakil pos ini, pendapatan yang diperolehinya amatlah tidak menggalakkan ataupun tidak lumayan sama sekali.

Keadaan ini wujud adalah disebabkan oleh bilangan transaksi ataupun volume of transaction, dengan izin, yang dikendalikan ini tidak berapa banyak ataupun kurang

sekali oleh kerana jumlah penduduk yang kecil. Pihak saya diberitahu, terdapat wakil pos di kawasan pedalaman ini di mana stem telah disimpan dengan begitu lama dan tidak dapat dijual sehingga warnanya sudah bertukar. Pendek kata, susah hendak cari makan bila menjadi wakil pos di kawasan pedalaman ini.

Beberapa cadangan telah pun disampaikan kepada pihak kementerian saya supaya dapat mengatasi keadaan ini. Di antaranya ialah kementerian diminta supaya mengkaji semula tentang sistem pembayaran ataupun kadar komisen yang diberikan kepada wakil pos berasaskan kepada bilangan transaksi yang dijalankan itu supaya dapat menambahkan pendapatan wakil-wakil pos di kawasan pedalaman.

Satu lagi cadangan yang telah pun dikemukakan kepada pihak saya ialah pihak kementerian diminta mengkaji tentang kemungkinan memberikan elaun tetap kepada wakil-wakil pos yang menjalankan kegiatan di kawasan pedalaman, khususnya di negeri Sarawak dan negeri Sabah selain daripada komisen yang diberikan berasaskan kepada bilangan transaksi yang dijalankan.

Kesemua cadangan ini, pihak kementerian saya akan mengkaji dengan teliti dan berunding dengan Pos Malaysia tentang kemungkinan untuk melaksanakan cadangan-cadangan tersebut.

## **LEBUHRAYA EKSPRES DI PANTAI DALAM - PELAKSANAAN**

**9. Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) syarikat mana yang telah berjaya memperolehi projek penswastaaan Lebuhraya Ekspres di Pantai Dalam dan Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur, berapakah nilai projek tersebut dan bila projek ini akan bermula dan dijangka akan siap; dan

- (b) butir-butir mengenai pengambilan tanah swasta jika ada, pampasan yang akan dibayar dan cara penempatan semula penduduk yang terlibat.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin**

**Saad]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Nama projek penswastaaan yang melibatkan Jalan Klang Lama ialah Lebuhraya Pantai Baru yang akan dilaksanakan oleh Syarikat Maxtro Engineering Sdn. Bhd.

Jumlah kos pembangunan projek penswastaaan ini ialah sebanyak RM730 juta yang meliputi kos pembinaan sebanyak RM545 juta; bayaran pengurusan sebanyak RM50 juta; kos pengambilan balik tanah sebanyak RM110 juta; dan penempatan semula setinggan sebanyak RM25 juta.

Konsesi penswastaaan bagi Lebuhraya Pantai Baru ini telah ditangani oleh kerajaan dan Syarikat Maxtro pada 26hb. Mac 1996 dan pembinaan lebuhraya ini akan mengambil masa selama 3 tahun dan dijangka dapat siap pada awal tahun 1999.

- (b) Pengambilan balik tanah untuk pembinaan lebuhraya ini yang melibatkan kos sebanyak RM110 juta akan dibiayai sepenuhnya oleh syarikat konsesi. Walaupun begitu, butir-butir lanjut mengenai perkara ini termasuk kadar bayaran pampasan masih belum diputuskan.

Berhubung dengan penempatan semula setinggan pula, pihak syarikat telah bersetuju untuk membiayai kos penyediaan rumah kos rendah yang dianggarkan sebanyak RM25 juta.

Kerajaan akan menyediakan pendahuluan bagi membiayai keseluruhan kos pengambilan balik tanah serta penempatan semula setinggan sebanyak RM135 juta dan jumlah ini akan diimbuh balik kepada kerajaan oleh konsortium tersebut.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun Yang Berhormat mewakili kawasan Mentakab, nampaknya beliau lebih mementingkan perkara-perkara di Wilayah Persekutuan. *[Disampuk]* Itu memang baik. Sebagai wakil rakyat, kita mewakili semua, keseluruhan. *[Disampuk]* Tetapi, Yang Berhormat itu dia sentiasa menyuarakan perkara-perkara di Wilayah Persekutuan sahaja dan kurang menyuarakan perkara di Mentakab. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan itu sedar mengenai perkara ini? Saya memang mengucapkan syabas *[Ketawa][Disampuk]* kepada Yang Berhormat dari Mentakab.

Soalan saya ialah.....*[Disampuk]* mengikut jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, projek ini memakan perbelanjaan yang besar iaitu lebih RM300 juta. Adakah tawaran untuk kerja-kerja ini dibuat secara tender terbuka?

Soalan bahagian kedua, adakah bayaran tol akan dikenakan selepas persiapan jalan raya ini? Selepas tiga tahun. Bolehkah memberi jawapan tentang hal ini?

**Dato' Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ahli-ahli DAP patut berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Mentakab sebab boleh jadi rakyat tidak berjumpa dengan Ahli DAP sebab tidak ada di situ. Maka mereka suruh Ahli Yang Berhormat dari Mentakab untuk bertanya.

Pertama, ini adalah penswastaan. Bukan tender. Penswastaan. Berkenaan dengan tol, memang dikenakan tol. *[Ketawa]* Sebab penswastaan, kena tollah. Sebab apa tanya? Tidak mahu bayar tolkah? Kerajaan cadangkan bahawa tol akan dikenakan RM1.60 bagi kereta, teksi RM0.80, lori RM3.20, lori besar RM4.80, bas RM1.60 dan ini kena kepada semua wakil rakyat jugalah termasuk DAP.

#### **KENDERAAN BERAT - KEENGGANAN JKR MENGELUARKAN PERMIT**

10. **Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengapakah pihak JKR negeri-negeri telah tidak mewajibkan/enggan mengeluarkan atau membaharui "permit JKR" kepada kenderaan berat seperti "low-loader" dan "pole-trailer" seperti syarat lesen pembawa LPKP, adakah kementerian beliau sedar dengan tindakan sedemikian banyak jalan persekutuan dan negeri mengalami kerosakan dan telah mengurangkan pendapatan JKR secara keseluruhannya.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran permit pergerakan kenderaan di jalan Persekutuan atau permit JKR seperti yang dibangkitkan kepada kenderaan-kenderaan perdagangan yang melebihi had berat telah dihentikan pada tahun 1993 apabila kuasa JKR negeri untuk mengeluarkan permit ini dalam Perintah Sekatan Berat Jalan Persekutuan 1966 (PU 38/1966) klausa 4 dibatalkan. Semua kenderaan berat

dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Perintah Sekatan Berat Jalan Persekutuan 1989 (PU A478) yang mula berkuatkuasa pada 1hb. Januari 1990 dan Perintah Sekatan Berat Jalan Persekutuan (Pindaan 1991) yang mula berkuatkuasa pada 1hb. Jun 1991.

Di dalam perintah tersebut telah menyatakan had beban roda maksimum, beban ganda, beban ganda iring maksimum dan beban tiga ganda maksimum yang ditetapkan kepada semua kenderaan berat yang melalui jalan-jalan persekutuan. Buat masa ini, kuasa untuk memberi pengecualian kenderaan melebihi berat yang ditetapkan melalui jalan Persekutuan terletak di bawah bidang kuasa Menteri Kerja Raya. Dengan menghadkan pengeluaran permit ini diharap dapatlah dikurangkan berlakunya kerosakan kepada jalan Persekutuan. Jabatan Kerja Raya selama ini tidak mengenakan apa-apa bayaran bagi pengeluaran permit pergerakan jalan kecuali insuran atau deposit bagi menampung kos pembaikan sebarang kerosakan jalan dan ini akan dikembalikan sekiranya tiada kerosakan berlaku.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu berapakah jumlah peruntukan perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh pihak JKR bagi membaiki jambatan di jalan/laluan Karak-Mancis yang telah runtuh pada tahun 1993 di mana sebuah lori yang melebihi had muatan 8 tan telah melalui jambatan berkenaan, telah menyebabkan jambatan berkenaan roboh. Jadi, ini adalah disebabkan oleh kerana

had muatan di jalan tersebut hanya 8 tan tetapi dilalui oleh lori yang bermuatan lebih daripada 25 tan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun had telah dikenakan oleh kerajaan, banyak di antara tuan-tuan punya lori tidak mengikut dengan undang-undang yang sedia ada, yang pertama.

Yang kedua, saya tidak boleh beri angka-angka kepada Ahli Yang Berhormat oleh kerana angka-angka itu saya mesti dapat notis daripada Yang Berhormat.

#### **PEMBENTUNGAN - BANTAHAN TERHADAP KADAR BAYARAN YANG TINGGI**

11. **Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan pendirian beliau tentang bantahan orang ramai tentang penganan kadar pembedaan yang tinggi dan tidak munasabah, berdasarkan jumlah air yang digunakan bukan air najis dan mengutip wang tanpa memberikan perkhidmatan. Sebagai contoh, Indah Water Konsortium telah mengenakan bayaran pembedaan kepada pengguna di kawasan Melaka Tengah sejak Disember 1994 sungguhpun tidak ada sebarang perkhidmatan diberikan dan adakah amalan seperti ini adil kepada para pengguna. Nyatakan peratus pengguna yang tidak membayar bil pembedaan di seluruh negara.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar atau tarif pembedaan ditetapkan atas persetujuan pihak kerajaan setelah mengambil kira perkara-perkara yang melibatkan kepentingan rakyat

terutamanya mereka dari golongan berpendapatan rendah agar projek penswastaan ini viable, dengan izin dan tidak membebankan pengguna domestik terutamanya, maka elemen dengan izin, cross-subsidy, di antara pengguna domestik dengan pengguna bukan domestik telah diambil kira.

Formula tarif yang berdasarkan kepada penggunaan air untuk sesebuah premis adalah untuk mendapatkan hasil yang mencukupi bagi menampung kos menyediakan perkhidmatan pemetungan serta sistem saliran dan loji-loji baru yang IWK dikehendaki membina. Peratus keengganan pengguna yang tidak membayar bil pemetungan ialah sebanyak 59.4%.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Rata-rata kita dengar pengguna-pengguna ataupun masyarakat ataupun tuan-tuan rumah kompelin masalah servis dan juga caj yang dikenakan oleh Indah Water Konsortium ini. Perkara ini telah berkali-kali dibangkitkan di dalam Dewan Rakyat ini dan berkali-kali juga masalah timbul di luar Dewan ini di mana orang ramai merungut tentang servis dan kita dapati bahawa apabila mereka mengambilalih daripada pihak kerajaan tempatan, mereka hanya menjalankan apa yang dijalankan oleh pihak kerajaan tempatan dulu, tidak sebaik daripada yang kita harapkan.

Jadi, adakah kerajaan berpuashati dan adakah kerajaan akan berbincang dengan pihak Indah Water Konsortium ini supaya mereka dapat mengadakan satu sistem bil yang tidak merugikan rakyat dan mendatangkan manfaat kepada rakyat kerana hari ini cara bil mereka ini tidak berpatutan? Kawasan yang tidak dimasukkan

ke dalam kawasan penyelenggaraan mereka pun, bil air ataupun bil penyelenggaraan dimasukkan di dalam bil air mereka. Jadi, apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah ini?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mendapati 59.4% pengguna-pengguna tidak membayar bil IWK, pihak kerajaan sendiri tidak berpuashati dengan perkara ini dan kementerian telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian untuk mendapatkan pandangan daripada pengguna, daripada persatuan pengguna dan juga daripada pihak IWK sendiri, supaya satu keputusan yang dapat memberi kepuasan kepada semua pihak dapat dicapai.

Setakat ini, sebenarnya pihak pengguna iaitu rumah-rumah hanya dikenakan bayaran di antara RM2 hingga RM10 sahaja dan bagi rumah-rumah yang dahulunya tidak mendapat perkhidmatan IWK ataupun tidak mempunyai septik tank, mereka tidak dikenakan apa-apa bayaran. Dahulunya memang IWK telah menghantar bil ke rumah-rumah ini dan kementerian telah membuat keputusan bahawa bil-bil ini tidak perlu dihantar kepada rumah-rumah yang tidak mendapat perkhidmatan daripada IWK.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa IWK ada menghantar bil dan enggan membatalkan atau mengembalikan bayaran pembentungan yang telah dibuat ke atas rumah-rumah yang tidak ada septic tank, iaitu seperti di kawasan saya di mana di Jalan Kampung Pantai kawasan bandar kerana air najis ini disalurkan ke dalam sungai, jadi tidak ada

septic tank, tetapi mereka masih dikenakan bayaran. Bolehkah Yang Berhormat mengambil prihatin tentang perkara ini?

Yang kedua, memandangkan bahawa masalah bil pembentungan ini bukan satu masalah yang hanya dihadapi oleh penduduk-penduduk kawasan bandar, tetapi juga seluruh rakyat Malaysia, adakah beliau berasa adil - ini saya rasa sangat penting, kerana bil atau bayaran dikenakan, sungguhpun perkhidmatan masih belum diberikan, perkara ini berlaku di Melaka Tengah seperti dalam soalan asal saya, Tuan Yang di-Pertua.

Pada Disember 1994 IWK mengambil alih, tetapi tidak ada perkhidmatan langsung yang diberikan, jadi ini menyebabkan ramai penghuni tidak mahu bayar ke atas prinsip ini. Sungguhpun Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa kadarnya munasabah, tetapi untuk mereka dan peniaga-peniaga kecil, berdasar penggunaan air, bukan air najis, ini adalah satu kadar yang sangat membebankan ke atas mereka. Bolehkah perkara ini sehingga satu keputusan muktamad dibuat, semua bayaran pembentungan digantung, tidak payah kutip sehingga keputusan diambil oleh pihak kementerian?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya kerajaan telah bertindak setapak lebih awal, itulah sebabnya kita dapati 59% tidak membayar bil dan kita telah minta IWK untuk mendiamkan diri buat sementara, sementara jawatankuasa

yang ditubuhkan di peringkat kementerian menjalankan tugas mereka untuk menyelesaikan masalah ini

Ingin saya tegaskan di sini bahawa walau apapun penswastaan yang dijalankan oleh pihak kerajaan, pihak pembangkang selalunya tidak berpuas hati. Kita ambil misal seperti bayaran tol untuk jalan raya. Saya masih ingat apabila kita mengutip bayaran tol, ada anggota pembangkang yang tidak mahu bayar tol untuk lebuhraya sehingga kita pinda undang-undang di Parlimen ini, barulah anggota-anggota ini bayar, apatah lagi seperti IWK ini, kita tidak nampak perkhidmatan mereka, tetapi sebenarnya perkhidmatan ini dijalankan. Jadi, saya ingin tegaskan di sini bahawa rumah-rumah yang tidak ada septic tank, mereka tidak perlu bayar bil IWK.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi, Yang Berhormat kata ‘digantung pembayaran’ sehingga satu keputusan muktamad dibuat dan sekarang saya harap.....*[Mengganggu]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Kepong! Celoklah!

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua,

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Saya telah tegaskan tadi, kita tidak sebut ‘gantung’, tetapi kita tangguhkan. Itu sebab 59% tidak bayar bil, kita tangguhkan dahulu kutipan bil ini sementara keputusan dibuat oleh kementerian.

Tetapi apabila kementerian membuat keputusan yang muktamad, maka barulah bil-bil ini akan diminta untuk dibayar ataupun dimansuhkan terus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa untuk Soal Jawab Mulut sudah cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No 2,5 dan.12 hingga 45 akan dimasukkan ke dalam naskhah bercetak kelak].*

**USUL****PERINTAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN  
(PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA)  
(NEGERI SARAWAK) 1996****3.36 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan di bawah Seksyen 10 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan bahawa draf bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya) (Negeri Sarawak) 1996, yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 2 April 1996 bersama dengan laporan Suruhanjaya Pilihanraya bertarikh 16 Februari 1996 mengenai Ulangkajian dan Persempadanan Semula Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri dalam Negeri Sarawak dan yang akan dibuat di bawah Seksyen 12 Jadual tersebut untuk menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut, adalah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum menurut Fasal (2), Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihanraya adalah bertanggungjawab untuk mengulangkaji dan mempersempadankan semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri pada lat atau selang tempoh tidak kurang daripada 8 tahun. Sesuai dengan kehendak peruntukan tersebut Suruhanjaya

Pilihanraya telah menjalankan ulangkajian bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sarawak bermula pada 7hb September 1995.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ulangkajian terakhir yang dilakukan bagi negeri Sarawak ialah pada 18hb. Februari 1987.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya nyatakan pada awal tadi tugas mempersempadankan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Negeri bagi Negeri Sarawak ini adalah tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya.

Suruhanjaya Pilihanraya di dalam menjalankan tugasnya untuk mengulangkaji dan mempersempadankan semula bahagian-bahagian pilihan raya perlu mematuhi kehendak Perlembagaan Persekutuan. Di samping terdapatnya peruntukan berhubung dengan lat atau selang tempoh ulangkaji yang perlu dipatuhi, Suruhanjaya Pilihanraya juga perlu mematuhi had tempoh ulangkajian itu perlu disiapkan iaitu dalam tempoh masa 2 tahun selepas kerja-kerja dimulakan berpandukan kepada Fasal (9) dan (10) Perlembagaan Persekutuan.

Tugas persempadanan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya bermula pada 7hb September 1995 apabila notis pengesyoran persempadanan bahagian pilihan raya disiarkan pada umum.

Sukacita saya memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah pun menyiapkan laporannya setelah mematuhi sepenuhnya prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh Bahagian 11, Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Di samping itu syor-syor yang terkandung dalam laporan itu adalah

juga dibuat dengan berpandukan kepada prinsip-prinsip yang terkandung dalam Bahagian I Jadual yang sama.

Laporan ulangkaji persempadanan ini telah diserahkan kepada saya pada 6hb Mac 1996 sebagaimana yang dikehendaki oleh Seksyen 8, Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Laporan ini juga telah dibentangkan di dalam Dewan ini sebagai Kertas Statut No.32/1996 pada 2hb. April 1996.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat lihat, Laporan Persempadanan ini mengandungi 6 bab iaitu Bab A hingga Bab F. Saya percaya laporan ini telah diteliti oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Walau bagaimanapun izinkan saya memberikan sedikit keterangan mengenai isi kandungan laporan tersebut.

Bab A mengandungi maklumat-maklumat mengenai latar belakang yang menerangkan perkara-perkara yang bersabit dengan keadaan negeri Sarawak, bilangan pemilih, sektor 'weightage' kawasan luar bandar dan juga bahagian-bahagian pilihan raya yang sedia ada.

Dalam Bab B, ada diterangkan mengenai aspek-aspek perundangan, panduan tugas, purata pemilih dan kriteria pembahagian bahagian-bahagian pilihan raya yang disempadankan. Perkara yang penting dalam Bab B laporan ini, yang perlu saya sebutkan ialah berkaitan dengan Unit Ulangkaji Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri.

Berhubung dengan apa yang diistilahkan sebagai Unit-unit Ulangkaji, sukacita saya jelaskan bahawa mengikut Fasal (6), Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan

Malaysia, telah dibahagikan kepada tiga unit ulangkali yang berasingan, iaitu Negeri-negeri Tanah Melayu termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.

Sepertimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ulangkajian bagi Unit Ulangkaji Negeri-negeri Tanah Melayu termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan dan Negeri Sabah telah pun dijalankan pada tahun 1994 dan bahagian-bahagian pilihan raya yang dipersempadankan semula bagi Unit-unit Ulangkaji Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah telah digunakan ketika pilihan raya umum tahun 1995 yang lepas kecuali bahagian pilihan raya Dewan Undangan Negeri bagi Negeri Sabah.

Bahagian pilihanraya Dewan Undangan bagi negeri Sabah yang telah diulang kaji hanya akan digunakan selepas Dewan Undangan Negeri Sabah yang ada sekarang dibubarkan. Bagi maksud pilihanraya bagi bahagian-bahagian pilihanraya yang dipersempadankan semula oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk negeri Sarawak, setelah ianya diluluskan kelak, akan dapat dikuatkuasakan apabila Dewan Undangan Negeri Sarawak dibubarkan untuk pilihanraya Dewan Undangan Negeri yang akan datang. Sementara untuk bahagian-bahagian pilihanraya bagi Dewan Rakyat yang diulang kaji hanya akan berkuatkuasa apabila Dewan Rakyat dibubarkan.

Perlu diterangkan bahawa selagi dewan-dewan yang saya nyatakan tadi tidak dibubarkan atau tidak dengan sendirinya terubur, maka selama itulah masih terpakai bahagian-bahagian pilihanraya yang telah dipersempadankan mengikut urusan

persempadanan yang telah dijalankan pada tahun 1987. Di dalam Bab B ini juga Suruhanjaya Pilihanraya ada memberikan keterangan yang jelas mengenai ulangkajian dan persempadanan yang telah dijalankan termasuk prinsip-prinsip persempadanan, daftar pemilih yang digunakan, purata bilangan pemilih, pemetaan serta keterangan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan nama-nama bahagian pilihanraya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, daftar pemilih yang digunakan sebagai asas sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen (3) Bahagian I, Jadual ke-13, Perlembagaan Persekutuan, ialah daftar pemilih yang disahkan pada bulan Februari, 1995. Jumlah pemilih bagi negeri Sarawak mengikut daftar pemilih yang berkenaan ialah 817,460 orang. Angka ini merupakan 34.62% lebih daripada jumlah pemilih tahun 1987. Apabila ulangkajian dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya negeri Sarawak yang terakhir dijalankan, jumlah pemilih pada ketika itu ialah 607,232 orang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang perlu diambil perhitungan juga berkaitan dengan jumlah pemilih ini ialah purata pemilih bagi negeri Sarawak. Mengikut laporan yang dibentangkan ini, purata pemilih Parlimen ialah 29,195 orang, manakala purata pemilih negeri ialah 13,185 orang. Di dalam laporannya, Suruhanjaya Pilihanraya ada memberikan ulasan mengenai kesukaran yang dihadapi oleh pihaknya di dalam usaha menseimbangkan pemilih bagi tiap-tiap bahagian pilihanraya berpandukan secara ketat kepada faktor purata pemilih. Ini adalah disebabkan oleh keadaan topografi dan demografi negeri Sarawak yang amat luar biasa, menyebabkan

bilangan pemilih yang diwujudkan bagi bahagian tertentu di kawasan luar bandar khususnya kawasan-kawasan pedalaman adalah lebih rendah daripada yang sepatutnya.

Perkara ini memang tidak dapat dielakkan bagi negeri Sarawak memandangkan bahawa konsentrasi penduduk adalah terhad kepada kawasan-kawasan tertentu sahaja. Kesukaran yang timbul ialah dari segi menseimbangkan bilangan pemilih dan keluasan kawasan pilihanraya yang patut diwujudkan.

Sepertimana yang kita semua sedia maklum, negeri Sarawak dengan kawasan seluas 124,386 kilometer persegi adalah negeri yang terbesar di Malaysia. Jumlah penduduk yang kecil, iaitu kira-kira 1.8 juta orang, tidak setimpal dengan keluasan kawasan negeri itu. Satu ciri demografi yang berbeza di negeri Sarawak ialah bahawa di samping konsentrasi penduduk yang besar di kawasan bandar, terdapat taburan penduduk yang tinggal secara berkelompok di merata-rata kawasan pedalaman yang sukar dihubungi. Masyarakat di kawasan-kawasan ini yang juga mempunyai hak yang sama untuk mengundi dan hak untuk memilih wakil, perlu juga diletakkan di bawah bahagian pilihanraya tertentu. Namun demikian, untuk menseimbangkan jumlah penduduk dengan keluasan kawasan, maka Suruhanjaya Pilihanraya telah cuba sedaya-daya bukan sahaja untuk menentukan bahawa terdapat bilangan pemilih yang berpatutan bagi satu-satu bahagian pilihanraya, tetapi juga menentukan bahawa bahagian pilihanraya itu tidak begitu luas hingga menimbulkan kesukaran kepada wakil-wakil rakyat yang dipilih kelak.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedia maklum, bahawa di samping keadaan tofografi dan demografi yang luar biasa yang terdapat di negeri Sarawak, satu faktor yang sukar diatasi tetapi memberi kesan dan mempengaruhi keputusan-keputusan Suruhanjaya Pilihanraya di dalam menentukan sempadan bahagian pilihanraya, khususnya bagi kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sarawak ialah mengenai faktor pengangkutan dan perhubungan. Sungguhpun terdapat banyak perubahan disebabkan oleh pembangunan yang pesat yang berjalan di negeri Sarawak sejak persempadanan terakhir dijalankan dalam tahun 1987, namun kekurangan kemudahan pengangkutan dan perhubungan masih menjadi faktor penghalang yang besar, khususnya untuk memenuhi kehendak mewujudkan bahagian-bahagian pilihanraya yang ideal dari segi pentadbiran, termasuk urusan perjalanan pilihanraya bagi bahagian-bahagian berkenaan.

Sungai-sungai sama ada kecil atau besar masih menjadi saluran pengangkutan dan perhubungan yang utama di negeri Sarawak. Dengan hal yang demikian, amatlah sukar bagi Suruhanjaya Pilihanraya untuk benar-benar mempersempadankan bahagian-bahagian pilihanraya secara memenuhi sepenuhnya kehendak prinsip yang terkandung dalam Jadual ke-13, Perlembagaan atau mempersempadankan bahagian-bahagian pilihanraya yang kesemuanya dapat ditadbirkan dengan cara yang mudah dan berkesan oleh wakil-wakil rakyat yang akan dipilih kelak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bab C, Laporan Persempadanan ini terdapat maklumat mengenai syor-syor Suruhanjaya Pilihanraya, notis-notis yang telah

dipamerkan, rayuan-rayuan dan bantahan-bantahan yang telah diterima dan pindaan kepada syor-syor awal persempadanan semula yang telah dibuat. Apabila syor pertama persempadanan dipamerkan mulai 7hb. September, 1995 hingga 7hb. Oktober, 1995, sebanyak 32 rayuan telah diterima. Berikutan dengan ini, sebanyak 26 siasatan tempatan telah dijalankan di negeri Sarawak dalam bulan Oktober dan bulan November 1995.

Berikutan dengan siasatan tempatan ini, beberapa pindaan telah dilakukan kepada syor awal persempadanan. Apabila syor persempadanan yang telah dipinda dipamerkan kali kedua pada 8hb. Disember, 1995 hingga 8hb. Januari, 1996 sebanyak 5 rayuan telah diterima. Berikutan dengan ini, sebanyak dua siasatan tempatan telah dijalankan pada 20hb. Januari, 1996. Dengan tindakan-tindakan itu, saya yakin bahawa rakyat negeri Sarawak telah diberikan peluang sepenuhnya untuk mengambil bahagian dalam proses persempadanan ini sepertimana yang dikehendak oleh Perlembagaan.

Ulasan-ulasan sepenuhnya mengenai rayuan-rayuan dan siasatan-siasatan yang telah dijalankan ada terkandung dalam Bab E laporan itu. Sementara Bab D dalam laporan ini mengandungi perakuan-perakuan Suruhanjaya mengenai bahagian pilihanraya Parlimen dan negeri bagi negeri Sarawak. Butir-butir lanjut mengenai segala perakuan Suruhanjaya Pilihanraya ini adalah terkandung dalam Jadual I dan Jadual II kepada laporan ini dan peta yang menunjukkan semua bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri adalah sepertimana yang diberikan dalam Bab F, iaitu jilid kedua.

Peta yang disediakan adalah berasaskan kepada peta asas yang paling kemaskini yang mengandungi rangkaian jalan raya, sungai-sungai dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bersependapat dengan saya bahawa ulangkajian bahagian-bahagian pilihanraya bagi negeri Sarawak perlu dibuat bukan semata-mata sebagai menepati kehendak Perlembagaan, tetapi ianya harus dijalankan memandangkan kepada perkembangan-perkembangan yang pesat yang berlaku di negeri Sarawak, terutama dalam bidang ekonomi dan sosial dalam tempoh kira-kira 9 tahun yang lalu.

Di samping itu, dengan adanya penambahan bilangan penduduk dan bilangan pemilih yang pesat di negeri tersebut, maka pertambahan kawasan pilihan raya Parlimen dan negeri juga akan membuka peluang kepada rakyat Sarawak untuk mendapat perwakilan yang lebih seimbang dan berkesan.

Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyambut baik ulangkajian dan perbadanan semula yang telah dijalankan itu dan memberi sokongan terhadap syor-syor yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari negeri Sarawak, tentu masih ingat bahawa pada bulan Oktober 1995, Dewan Undangan Negeri Sarawak telah meminda Perkara 14 (2) Perlembagaan Negeri Sarawak. Pindaan ini memperlihatkan tambahan 6 kerusi Dewan Undangan Negeri bagi negeri Sarawak.

Namun demikian, pindaan ini masih belum berkuatkuasa dan ianya hanya akan dikuatkuasa sebaik sahaja laporan dan perintah Perlembagaan bahagian-bahagian pilihanraya di negeri Sarawak ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Dalam urusan persempadanan negeri Sarawak ini juga, Suruhanjaya Pilihanraya telah memperakukan tambahan satu kerusi Parlimen dan pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan hanya akan dipertimbangkan selepas urusan persempadanan ini selesai.

Apabila berkuatkuasanya pindaan Perkara 14(2) Perlembagaan Negeri Sarawak dan Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan nanti, maka bahagian-bahagian pilihanraya bagi negeri Sarawak akan menjadi 28 untuk Parlimen dan 62 untuk Dewan Undangan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, draf Perintah Persempadanan Bahagian Pilihanraya Negeri Sarawak 1996 adalah dibentangkan bersama ini sebagai Kertas Statut No. 33/1996 dan sebelum saya mencadangkan supaya draf perintah itu diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, suka saya mengambil kesempatan untuk melahirkan rasa penghargaan kepada Pengerusi, ahli-ahli, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Suruhanjaya Pilihanraya yang telah bekerja dengan penuh dedikasi bagi menjalankan urusan ulangkajian bahagian-bahagian pilihanraya dan seterusnya menyediakan laporan untuk dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini dalam masa yang lebih pendek daripada yang dijangkakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Diminta seorang menyokong.

**3.53 ptg.**

**Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Datuk Osu bin Haji Sukam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk Dewan ini meluluskan draf bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihanraya Negeri Sarawak bagi tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, negeri Sarawak telah dan sedang mengalami perkembangan ekonomi yang pesat pada beberapa tahun yang lalu. Akibat daripada pembangunan ekonomi ini, rakyat Sarawak telah mengalami perubahan yang besar dari segi taraf kehidupan dan keperluan seharian.

Di samping itu bilangan penduduk di negeri Sarawak juga telah bertambah dalam masa sembilan tahun yang lalu. Keadaan ini telah mengakibatkan bilangan pengundi juga terus bertambah dari setahun ke setahun. Jumlah pemilih yang berdaftar bagi negeri Sarawak telah bertambah sebanyak 34.62% sejak urusan persempadanan berakhir pada tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas menunjukkan sudah tiba masanya untuk mengadakan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi negeri Sarawak. Persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya

ini akan menentukan semua warganegara yang layak mengundi dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan cara yang sistematik dan teratur. Ia juga akan memberi peluang kepada semua rakyat untuk mendapat perwakilan yang lebih sempurna dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya perlu dilakukan sesuai dengan arus perubahan yang berlaku di negeri Sarawak ini, khususnya penempatan dan taburan penduduk di seluruh negeri Sarawak akibat dari aktiviti-aktiviti ekonomi dan proses pembangunan negara.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya atas kejayaannya mengulangkaji dan mempersempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya secara objektif dan berkesan sejajar dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan.

Ulangkaji ini akan mengwujudkan perwakilan yang lebih adil dan bermakna kerana saiz pengundi dan mungkin luas persempadanan dalam sesebuah kawasan pilihanraya akan dikurangkan dan ini membolehkan seseorang Wakil Rakyat yang dipilih memberi tumpuan yang lebih menyeluruh dan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, penambahan dan perubahan kawasan-kawasan pilihanraya Parlimen dan Negeri sekali lagi menunjukkan kematangan proses pilihanraya yang dipraktikkan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, sila Santubong.

**3.56 ptg.**

**Puan Rohani binti Abd. Karim [Santubong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Ulangkajian dan Persempadanan Semula Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi negeri Sarawak.

Saya amat menyokong langkah yang telah diambil oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia menjalankan ulangkajian dan persempadanan yang keempat bagi negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, urusan persempadanan ini adalah penting dan bermakna memandangkan bahawa Sarawak telah membangun dengan begitu pesat dan juga terdapatnya penambahan jumlah pengundi.

Beberapa faktor penting harus diberi penelitian bagi Keadaan Negeri Sarawak iaitu:-

- Keluasan kawasan berjumlah 124,386 kilometer pesegi iaitu hampir keluasan Semenanjung Malaysia. Walaupun luas, sebahagian besarnya diliputi bukit-bukau dan kawasan perhutanan yang luas.

- Bilangan penduduk hanya berjumlah 1.8 juta orang yang bertaburan di seluruh Sarawak iaitu kira-kira 15 orang untuk satu kilometer persegi.
- Sarawak juga mempunyai kawasan pantai (coast line) sepanjang 920 kilometer.
- Sarawak juga mempunyai penduduk yang terdiri daripada 25 kumpulan etnik, yang terbesar adalah:-

Melayu/Melanau

Iban

Bidayuh

Kelabit/Kayan

Kenyah/Murut

Cina.

Tuan Yang di-Pertua, adalah amat sukar bagi pihak Suruhanjaya Pilihanraya menentukan garis sempadan dengan secara seadil-adil yang mungkin, sebab dihalangi oleh beberapa faktor semula jadi oleh kerana keadaan muka bumi dan taburan penduduk serta bilangan pengundi. Faktor-faktor yang menentukan urusan persempadanan melibatkan faktor seperti:-

- Keadaan geografi dan topografi kawasan;
- Tahap pembangunan kawasan;
- Keadaan demografi dan kepadatan penduduk;

- Wujudnya kemudahan asas seperti jalan raya dan alat komunikasi yang lain;
- Bilangan pengundi; dan
- 28 daerah pentadbiran di Sarawak, khasnya dari segi urusan pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1987, terdapat pertambahan pemilih seramai 210,228 orang dan juga telah terdapat banyak perpindahan penduduk dari satu bahagian pilihanraya ke bahagian pilihanraya yang lain. Oleh yang demikian, adalah tepat pada masa ini dibuat ulangkajian semula urusan persempadanan ini. Jumlah pemilih mengikut daftar pemilih 1995 ialah 817,460 orang. Setelah meneliti laporan yang telah dibentang, secara keseluruhan memang didapati beberapa perubahan telah berlaku:-

- Perubahan sempadan bahagian pilihanraya;
- Perubahan nama kawasan pilihanraya;
- Pengurangan atau penambahan saiz keluasan kawasan pilihanraya; dan
- Pengurangan atau penambahan bilangan pengundi dalam kawasan pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpuas hati dengan urusan persempadanan ini, walaupun terdapat lebih 1,000 pengundi saya terpaksa dipindah ke kawasan pilihanraya negeri yang baru iaitu di dalam kawasan Samariang atau Tupong. Bagi saya ini adalah satu pengorbanan demi untuk pembangunan dan penyesuaian pada kehendak semasa. Dengan persempadanan baru ini, keluasan kawasan dapat diagihkan

dengan lebih berkesan serta mengikut taburan penduduk atau pengundi supaya mudah bagi Wakil Rakyat melawat dan memberi khidmat kepada kawasan masing-masing. Dengan urusan persempadanan ini juga telah mewujudkan banyak lagi kawasan pilihan raya Parlimen dan Negeri, iaitu pertambahan sebuah kerusi Parlimen iaitu P.172 - Mambong dan 6 buah kerusi negeri iaitu N.7 - Samariang, N.17 - Kedup, N.43 - Nangka, N.54 - Jepak, N.57 - Senadin dan N.62 - Ba' Kelalan. Dengan bertambahnya bilangan kerusi, maka bertambahlah bilangan Wakil Rakyat di Sarawak. Ini akan menambah keluarga politik di Sarawak dan memang harapan kita ianya adalah dari keluarga Barisan Nasional.

Saya juga ingin merakamkan di sini rasa gembira yang amat sangat kerana telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Pengerusi Barisan Nasional Negeri merangkap Presiden Parti PBB bahawa seorang calon wanita juga akan diketengahkan. Ini adalah satu pengiktirafan kepada sumbangan golongan wanita di Sarawak. Dengan penambahan ini genaplah bilangan kaum wanita di Sarawak.

**Tuan Yunof Edward Meringking:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]::** Yang Berhormat, Tuan bangun.

**Tuan Yunof Edward Meringking:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Adakah Ahli dari Santubong ini merayu kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri awal-awal lagi supaya kaum wanita yang mungkin tidak cukup diwakili di Sarawak pada masa kini supaya diberi penyertaan dalam pembangunan politik di negeri Sarawak. Dan memang ini kita alu-alukan dari negeri Sabah, terima kasih.

**Puan Rohani binti Abdul Karim:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pemimpin kita, iaitu Pengerusi Barisan Nasional Negeri - kita tidak perlu merayu, beliau cukup prihatin. Jadi, memanglah sudah sampai masanya beliau akan menambah dan ayat saya tidak habis lagi, tetapi sebenarnya saya mengatakan bahawa ini adalah permulaan, tetapi insya-Allah satu masa nanti bilangan ini akan bertambah. Jadi, untuk sampai ke situ tadi, iaitu 2 orang Wakil Rakyat di peringkat negeri dan 2 orang Wakil Rakyat di peringkat Parlimen. Memanglah juga kita menaruh harapan agar bilangan wanita akan ditambah pada masa akan datang.

Di dalam kawasan saya, P.167 - Santubong ada terdapat perubahan nama bagi kerusi negeri N.4. Dahulunya Sejingkat tetapi sekarang ditukar kepada Demak Laut, iaitu sebuah kawasan perindustrian yang pesat membangun. Nama ini adalah sejarah pahlawan yang terkemuka di Tanah Jawa iaitu Demak dan nama ini menunjukkan unsur perjuangan dan kepahlawanan mempertahankan tanah air yang tercinta. Dengan semangat inilah harapan kerajaan negeri Sarawak agar pembangunan perindustrian yang pesat akan menjadi kenyataan dan semangat inilah dikehendaki untuk mencapai matlamat tersebut.

Sebelum mengakhiri ucapan sokongan ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya kerana telah dapat menjalankan urusan persempadanan ini dengan lancar, teratur dan menyeluruh dalam jangkamasa yang cepat serta telah menyelesaikan banyak masalah dan rayuan yang telah dikemukakan. Semoga semua ini mendapat kelulusan secepat mungkin untuk

mbolehkan pilihan raya negeri berjalan dengan lancar juga. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sri Aman.

**4.04 ptg.**

**Tuan Jimmy Lim [Sri Aman]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagia dalam perbahasan ini. Pertama saya ingin mengucapkan syabas, tahniah dan terima kasih kepada kerajaan Malaysia kerana membentangkan perkara ini. Ia menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap perkembangan politik di negeri Sarawak, ia menentukan lebih ramai lagi suara rakyat akan terdengar di Dewan Undangan Negeri Sarawak dan di Parlimen. Saya rasa kita semua memerlukan perkembangan yang seperti ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia kerana telah dengan jayanya menjalankan tugasnya yang rumit.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, saya bersetuju dengan prinsip-prinsip yang telah diambil kira untuk mempengaruhi penentuan bilangan bahagian kawasan pilihan raya di negeri Sarawak iaitu:

- (i) keadaan geografi dan topografi kawasan berkenaan;
- (ii) tahap pembangunan kawasan-kawasan yang terlibat;
- (iii) keadaan demokrasi dan kepadatan penduduk;
- (iv) kemudahan asas yang perlu seperti jalan raya dan alat komunikasi yang lain;

- (v) prinsip-prinsip yang perlu diikuti seperti yang terdapat dalam Jadual Ke-13 Perlembagaan; dan
- (vi) kemampuan kerajaan negeri, khususnya dari segi kerusi Dewan Undangan Negeri untuk menampung kos yang terlibat dengan penambahan kerusi Dewan Undangan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya ditambahkan satu lagi faktor yang diambil kira - persempadanan juga harus mengikut sempadan bahagian-bahagian di Sarawak. Kawasan saya sekarang ialah P.175 - Sri Aman, termasuk di situ ialah bahagian Sri Aman dan bahagian Samarahan. Saya terpaksa berurusan dengan resident Sri Aman, Pegawai Daerah Sri Aman dan juga resident Samarahan dan Pegawai Daerah di Simunjan yang dalam bahagian Samarahan. Perlu juga diambil kira ialah kita juga mesti menentukan semua rakyat merasa kepentingan mereka terjaga dan urusan ini telah dijalankan dengan seikhlas-ikhlasnya. Dengan itu semua rakyat akan terasa komited dan akan wujud semangat kekitaan di seluruh bahagian di negeri Sarawak dan dapatlah pucuk pimpinan negeri Sarawak mengemblengkan tenaga rakyat untuk menghadapi semua cabaran masa depan dan membawa negeri Sarawak, dengan izin, second millennium, yang akan tiba tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju pada dasarnya dengan faktor vettage yang telah diberi bagi kawasan luar bandar mengikut keluasan kawasan dan bukan bilangan penduduk. Tetapi saya rasa perkara ini masih boleh diperbaiki. Masih

banyak lagi kawasan-kawasan di luar bandar yang terlalu luas seperti Selangau, Baram, Ulu Rejang dan beberapa kawasan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang luas susah di jaga, kawasan saya mengikut persempadanan yang baru ialah di P.176 - Sri Aman. Di samping menggunakan jalan raya kita terpaksa berjalan kaki berjam-jam dan juga menggunakan perahu. Melawat kawasan-kawasan memakan masa yang panjang, masa setahun kadang-kadang tidak cukup untuk kita mengunjungi semua rakyat dalam kawasan kita. Kadang-kadang mereka mengadu dan merungut oleh kerana kita tidak dapat menjaga kesejahteraan dan kebajikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, yang menggembirakan ialah Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia dalam aspek-aspek ulang kajian dan persempadanan telah berpegang teguh kepada prinsip untuk menentukan semua warganegara yang layak diberi peluang dan kemudahan untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi secara sistematik dan teratur bagi pilihan raya yang bebas, adil dan sistematik. Ia juga telah mengikut kehendak Seksyen 8, Bahagian II, Jadual 13, Perlembagaan Persekutuan. Mengikut peruntukan di bawah perenggan (2), Fasal (2), Perkara 113, Perlembagaan lat tempoh di antara sesuatu ulang kaji yang dibuat di dalam urusan seperti ini tidak kurang daripada 8 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1987 terdapat penambahan pemilih iaitu seramai 210,228 orang. Untuk saya ini adalah kerana penambahan secara semula jadi jumlah penduduk di Sarawak. Ia juga kerana lebih ramai penduduk telah mengambil

keputusan untuk menunaikan kewajipan mereka dan mendaftar diri sebagai pengundi. Dalam aspek ini masih ramai lagi penduduk di pedalaman yang masih belum mempunyai kad pengenalan. Mereka tidak memainkan peranan mereka sebagai warga negara Malaysia - mereka tidak dapat mengundi. Oleh kerana saya datang dari luar bandar, saya tahu masih ramai yang masih dalam keadaan ini.

Baru-baru ini Jabatan Pendaftaran Negara telah membantu dan menghantar pegawai-pegawainya ke luar bandar untuk membantu rakyat yang seperti ini. Di sini, saya ingin menyeru supaya urusan ini dipertingkatkan. Selagi masih ada rakyat kita yang tidak mempunyai kad pengenalan, kita patut menganggap kita masih belum berjaya seratus peratus, tetapi kita juga harus berjaga, Tuan Yang di-Pertua, kerana baru-baru ini kita telah mendengar ramai pendatang tanpa izin yang berkeliaran di Malaysia

Kita mesti menentukan tidak seorang pun daripada mereka menjadi pengundi. Untuk pendatang tanpa izin yang telah menipu kita dan telah mendapati kad pengenalan biru, saya berharap Jabatan Pendaftaran Negara dapat mengesan dan menyerahkan kepada pihak polis supaya menangkap mereka apabila mereka berurusan hendak menukar kad pengenalan lama kepada kad pengenalan yang baru.

Oleh kerana urusan ini dijalankan berdasarkan prinsip keadilan, saya berharap setiap kali urusan yang begini dijalankan kepentingan semua penduduk diambil kira dan jumlah kerusi yang diagihkan seimbang dan tidak menimbulkan sangkaan yang buruk di kalangan mana-mana kaum.

Kita mempunyai kira-kira 25 kaum etnik dan 6 kumpulan yang besar. Kita semua telah ditakdirkan oleh Tuhan duduk bersama di Sarawak. Kita tidak ada pilihan, kita mesti hidup bersama, kita mesti bekerjasama. Keputusan yang akan berkekalan ialah yang berasaskan prinsip keadilan ini.

Dengan harapan yang begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Lanang.

**4.13 ptg.**

**Tuan Tiong Thai King [Lanang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan mengenai Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Negeri Sarawak 1996.

Terlebih dahulu saya menyokong akta ini yang menambahkan 6 kerusi Dewan Undangan Negeri dan 1 kerusi Parlimen iaitu menjadi 62 kerusi Dewan Undangan Negeri dan 28 kerusi Parlimen bagi Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan pesat di kawasan-kawasan telah diperbaiki dan mempertingkatkan taraf hidup rakyat. Dengan ini permintaan-permintaan dan masalah-masalah penduduk pun semakin meningkat juga. Justeru itu, wakil rakyat bagi setiap kawasan mesti memikul tanggungjawab yang lebih berat untuk memastikan kawasan mereka tidak ketinggalan. Secara langsung, penambahan bahagian-bahagian pilihan raya ini dapat meringankan penanggungan wakil rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, langkah ini juga menyediakan lebih banyak peluang kepada mereka yang berpengetahuan, berpengalaman, berbakat dan yang sedia berkhidmat untuk menyumbangkan tenaga mereka dalam arus pembangunan negara. Seterusnya mereka berpeluang untuk berkhidmat kepada negara, masyarakat dan rakyat

Tuan Yang di-Pertua, Negeri Sarawak merupakan negeri yang paling luas iaitu lebih kurang sama luas dengan Semenanjung Malaysia. Pengangkutan merupakan masalah perhubungan antara bahagian-bahagian, lebih-lebih lagi ramai penduduk tinggal di kawasan pedalaman yang hanya bergantung kepada pengangkutan air. Tambahan pula, jumlah pemilih yang telah bertambah. Ini, telah menghadkan perkhidmatan yang dapat diberikan oleh wakil rakyat sebab faktor keluasan kawasan, kekurangan kemudahan perhubungan dan komunikasi khususnya jalan raya.

Jadi, masalah-masalah yang timbul di kalangan penduduk tidak dapat atau lewat disampaikan kepada wakil rakyat kawasan mereka. Dengan penambahan kerusi ini, masalah ini boleh diselesaikan dengan lebih berkesan. Selain itu, tambahan kerusi sama ada Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang diperuntukkan bagi Negeri Sarawak dapat memastikan supaya setiap bahagian pilihan raya diwakili dengan lebih adil.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyatakan bahawa Sarawak lebih kurang sama luas dengan Semenanjung Malaysia. Semenanjung Malaysia mempunyai 394 kerusi Dewan Undangan Negeri berbanding dengan Sarawak yang hanya mempunyai 56 kerusi. Ini bermakna wakil rakyat bagi negeri-negeri Semenanjung

Malaysia berganda 7 kali berbanding dengan Sarawak. Jadi, kita boleh mengatakan bahawa untuk mempercepatkan proses pembangunan dan kemajuan kawasan-kawasan Sarawak, penambahan bahagian-bahagian pilihan raya Sarawak dapat mempercepatkan pencapaian matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1987, Sarawak mempunyai penduduk seramai 1,515,200 orang dengan pengundi berdaftar seramai 607,232 berbanding seramai 1,835,585 orang dengan seramai 817,460 pengundi. Ini bermakna dalam masa 8 tahun yang lalu bilangan pengundi yang berdaftar di Negeri Sarawak telah bertambah seramai 210,228 orang. Oleh itu, penambahan bilangan pengundi perlu juga diikuti dengan penambahan bilangan kerusi supaya nisbah bilangan pengundi dalam bahagian-bahagian pilihan raya di Negeri Sarawak dapat diseimbangkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah menjalankan ulangkajian dalam tempoh tidak kurang daripada 8 tahun. Ulangkajian ini adalah untuk menentukan semua warganegara yang layak diberi peluang dan kemudahan untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi secara sistematik dan teratur bagi pilihan raya yang bebas, adil dan demokratik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan akta ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Bintulu.

**4.20 ptg.**

**Tuan Chiew Chieu Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai usul untuk Ulangkajian dan Persempadanan Semula Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sarawak yang dibentangkan pada hari ini.

Saya mewakili DAP ingin menyatakan pendirian kami bahawa langkah mempersempadankan semula bahagian-bahagian pilihanraya dalam Sarawak sentiasa

tidak mencerminkan kewarasan dan prinsip seorang satu undi di mana ada kawasan-kawasan yang mempunyai 70,000 ataupun 80,000 pengundi, mereka boleh memilih seorang wakil rakyat, tetapi di kebanyakan kawasan lain yang mana ada seramai 17,000 ataupun 18,000, mereka pun memilih seorang wakil rakyat sahaja. Ini memang bertentangan dengan prinsip “seorang satu undi” di dalam negara demokrasi seperti kita.

Langkah mempersempadankan semula bahagian pilihanraya di Sarawak menafikan hak rakyat dan pengundi Sarawak untuk mendapatkan perwakilan ke dalam Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri secara adil dan saksama. Langkah tidak demokratik ini tidak sudah sepatutnya dihentikan selepas Dewan yang mulia ini telah banyak kali membahaskan soal persempadanan bahagian.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Batang Lupar bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tidak, maafkan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sila teruskan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Menyampuk]*

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Soal persempadanan bahagian pilihanraya sejak dahulu lagi, termasuk Semenanjung. Ternyata segala teguran membina pihak pembangkang selama ini tentang betapa perlunya prinsip keadilan “seorang satu undi” dilaksanakan sepenuhnya tidak diberi perhatian. Kerajaan lebih berminat untuk

melaksanakan persempadanan dan ulangkajian yang memberi kesan positif kepada mereka tanpa mengambil kira atau tidak memperdulikan hak rakyat dan pengundi-pengundi.

Persempadanan semula bahagian pilihanraya di Sarawak yang kini dibahaskan lebih cenderung mengasingkan golongan kaum dalam sesebuah kawasan pilihanraya. Kecenderungan ini tidak sihat bagi sebuah masyarakat Malaysia yang mempunyai berbagai kaum. Ulangkajian lebih cenderung memotong sempadan menurut kelompok kaum tertentu sahaja. Sepatutnya, semua kawasan pilihanraya disempadankan semula menurut atau mencerminkan kepelbagaian kaum di negara kita.

Sebagai contoh, dalam kawasan saya iaitu kawasan Parlimen Bintulu yang mana pecahan pengundi menurut kaum ialah kira-kira 20% pengundi Cina; 20% pengundi Melayu; dan 60% pengundi Iban. Walaupun saya orang Cina, saya dapat menang kali ini di Bintulu dan oleh kerana kawasan saya mempunyai berbilang bangsa, saya terpaksa belajar dari semua kaum di dalam kawasan itu seperti saya terpaksa belajar untuk bercakap dalam bahasa Melanau seperti “how are you?” - “dah rendai ekau?”; di dalam bahasa Iban, “Namai brita nuan?”, semua ini terpaksa dipelajari dalam satu kawasan yang berbilang bangsa.

Saya juga terpaksa membuat lawatan ke rumah panjang dan pergi ke kampung-kampung. Ini semua adalah baik untuk mengeratkan hubungan antara semua kaum - Cina, Melayu, Iban dan semua kaum dalam satu kawasan yang berbilang bangsa.

Kami selalu makan bersama-sama dan bercerita dan ini semua adalah baik untuk hubungan di antara bangsa.

Saya berjuang dan berusaha bukan untuk satu bangsa sahaja, tetapi oleh kerana kawasan saya mempunyai banyak kaum, saya terpaksa juga memberi perhatian terhadap keperluan tiap-tiap bangsa dalam kawasan saya. Ertinya saya berjuang bukan untuk kaum saya sendiri sahaja iaitu kaum Cina, tetapi untuk semua yang menjadikan saya seorang multiracial man dan perjuangan bukan untuk bangsa, tetapi untuk Malaysia - untuk semua Malaysian dalam Malaysia di dalam kawasan saya dan kemudian untuk semua orang yang dikenali sebagai Malaysian di dalam negara kita.

Jadi, di dalam kes persempadanan kali ini, kerajaan nampaknya lebih menggalakkan politik perkauman wujud dan berjalan untuk memenangi pilihanraya. Kerajaan sendiri mengatur calon kaum majoriti bertanding dalam sesuatu kawasan. Secara tidak langsung, persempadanan semula di Sarawak akan menjadikan Sarawak dan pengundi terbentuk dalam satu-satu kawasan sahaja.

Rancangan kerajaan untuk mengeneipkan politik perkauman di Sarawak tidak mungkin tercapai jika kerajaan sendiri bertindak bertentangan dengan prinsip kepelbagaian kaum.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Point of order, 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ada point of order. Ya, Batang Lupar.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** 36(6), sangkaan jahat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Terhadap?

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Dia mengatakan kerajaan menganuti politik perkauman dan mengatakan bahawa pelan ini mesti menunjukkan sebanyak ini orang Cina; sebanyak itu orang Iban dan Bidayuh. Macam mana hendak buat, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya akan buat keputusan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** 36(6), sangkaan jahat itu biasanya digunakan untuk ditujukan kepada Ahli yang lain, bukannya secara umum! Tidak kena, Yang Berhormat. Teruskan, Bintulu.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mendapati bahawa beberapa kawasan Parlimen mempunyai tiga kawasan Dewan Undangan Negeri. Ini tidak praktikal kerana ini menjadikan kawasan Parlimen terlalu luas untuk ditadbir dan diwakili oleh seorang Ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kawasan saya iaitu kawasan Parlimen Bintulu, kalau kawasan baru yang dicadang diluluskan nanti, kawasan saya luasnya adalah kira-kira 150 batu dalam satu kawasan sahaja dan di dalamnya seluas kira-kira setengah Sarawak. Di dalam keadaan sekarang di mana satu kawasan Parlimen mengandungi dua kawasan Dewan Undangan Negeri adalah lebih baik dan dengan 6 kawasan Dewan Undangan Negeri, kawasan Parlimen harus menjadi 3 kawasan - bukan 6 negeri dan

satu kawasan Parlimen sahaja. Dalam 8 tahun baru bertambah satu kawasan Parlimen dalam Sarawak adalah terlalu rendah. Jika kawasan Parlimen terlalu luas, ia sukar ditadbir dan perkhidmatan yang diberikan oleh seseorang wakil rakyat semakin sukar. Wakil rakyat perlu mempunyai ramai kakitangan dan pejabat kawasan untuk memberi perkhidmatan. Jika tidak, amatlah sukar bagi mereka memberikan perkhidmatan yang cekap dan segera.

Kita tidak boleh selama-lamanya mengamalkan politik kawasan balak dan memenangi pilihanraya, sedangkan para pengundi yang memilih kita sebagai wakil mereka merasa hampa dan kecewa kerana wakil rakyat mereka gagal memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Oleh yang demikian, langkah persempadanan semula bahagian pilihanraya menyebabkan kawasan Parlimen semakin besar dan luas. Locality pengundi diubah-ubah dan dipindah ke sesuatu kawasan demi kemenangan parti-parti dan calon kerajaan dengan membelakangkan kepentingan rakyat yang masih miskin dan daif adalah patut menerima kutukan rakyat dan pengundi sendiri.

Dalam pilihanraya, penggunaan wang dan janji politik pembangunan bagi membeli undi yang selama ini berleluasa berlaku di kalangan calon-calon kerajaan hendaklah dihentikan sama sekali.

Politik Sarawak harus berjalan di atas landasan yang benar iaitu membenarkan proses demokrasi dalam pemilihan wakil rakyat dibuat secara adil dan jujur. Suruhanjaya Pilihanraya yang lebih berwibawa hendaklah diberikan kuasa sepenuhnya

untuk menyelia dan menguruskan proses pemilihan wakil-wakil dan tidak menghalang mereka bertindak ke atas pesalah-pesalah yang melanggar Akta Kesalahan Pilihanraya. Rakyat Sarawak sebenarnya mahu melihat sebuah kerajaan yang mewakili aspirasi mereka sendiri dan bukannya diatur oleh pucuk pimpinan kerajaan.

Di samping itu, pendaftaran pengundi hendaklah dijadikan automatik apakala seseorang rakyat mencapai usia 21 tahun. Usaha atau gerakan pendaftaran pengundi di Sarawak tidak cukup berkesan. Hanya dilakukan oleh SPR sendiri atau wakil mereka. Kerjasama parti-parti politik dalam soal pendaftaran pengundi bukanlah sukar dan mudah dilakukan. Pekerja-pekerja politik boleh membantu mendaftar mereka yang layak dengan lebih mudah lagi.

Dengan itu, itulah sahaja ucapan saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Batang Lupar.

**4.32 ptg.**

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya bercakap. Saya ingin menyokong usul ini untuk menambahkan kerusi Ahli Dewan Undangan Negeri dengan 6 dan Ahli Parlimen dengan 1. Walaupun saya mahu juga menambah macam mana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat DAP dari Bintulu itu, tambah sama banyak dengan kerusi Parlimen di Semenanjung, tetapi cadangan itu adalah tidak rasional, tidak tepat dan tidak logik sekali. Dia kata Sarawak itu sama besar dengan Semenanjung, kenapa di Sarawak ada 27, di Semenanjung ada 140 lebih. Jadi, dia kata

mesti sama banyak. Itulah imbasan daripada ucapan DAP. Tetapi kalau hendak dibuat Ahli Parlimen Sarawak seramai Ahli Parlimen Semenanjung, saya setuju tetapi tidak logik. Jadi, apa yang kita minta, mintalah dengan secara rasional dan sokong dengan secara logik dan betul supaya kita nampak betul-betul faham.

Soalan demokrasi, Tuan Yang di-Pertua, saya boleh beri kuliah soalan demokrasi. Jadi, soalan demokrasi one man one vote ini, apa salahnya pula? Dia kata, kenapa pula satu kawasan ini ada 10,000 yang satu kawasan lagi 30,000? Kalau di pekan, memang ramailah orang. Adakah kita pakai satu blok, satu street sahaja untuk satu kawasan? Macam kawasan saya, kalau hendak beri memang tidak dapat kalau dibanding dengan di Kuching. Jadi, kita pandang the logic behind it pengagihan kawasan yang dibuat di sini.

Jadi, rasional-rasional yang digunakan ataupun kriteria yang digunakan ialah keadaan muka bumi, taburan penduduk, kebudayaan masyarakat. Ini tidak mengagihkan orang daripada segi racial ataupun etnik group. Tidak ada langsung, Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada mengatakan orang Melayu tinggal dekat tepi laut, orang Iban tinggal di bukit, orang Cina di pertengahan - tidak kata macam itu. Dia kata, keadaan muka bumi, taburan masyarakat dan kebudayaan - itu sahaja kriteria untuk memilih satu-satu kawasan sama ada negeri ataupun pusat.

Jadi, satu sahaja teguran saya tentang persoalan ini. Kenapa kriteria itu digunakan? Oleh kerana apa yang saya pandang di sini, kalau kita buka, Tuan Yang di-Pertua dalam peta ini menunjukkan, kawasan sayalah umpamanya, saya sebut

Bintulu pun macam itu juga, di persisiran laut. Bintulu nasib, oleh kerana ia bandar besar, Bintulu termasuk dalam kawasan tetapi kawasan Batang Lupar tidak ada satu pekan pun, tidak ada satu pejabat daerah pun dalam kawasan saya. Dengan sendirinya kawasan saya itu sudah menjadi satu kawasan persisiran laut. Jadilah satu keadaan yang demikian. Ada kawasan di persisiran laut, adalah kawasan yang di tepi gunung, ada tempat yang di pertengahan. Orang gunung, orang pesisir dan orang pertengahan. Begitu juga keadaan corak hidup dan cara untuk mencari kehidupan mereka. Orang bandar macam di Bintulu bolehlah kaya raya dan senang-lenang kerana infrastruktur dengan sendirinya akan terbina. Tetapi di kawasan pesisiran dan di luar bandar, infrastrukturnya tidak terbina dengan begitu baik oleh kerana penumpuan ataupun the economic force, dengan izin, tidak akan berlaku. Jadi, dengan sendirinya keadaan ini tertinggal melainkan ada sokongan dan bimbingan ataupun tindakan yang khusus oleh pihak kerajaan supaya kawasan di bahagian pertengahan, di tepi gunung dan di pesisiran laut macam di Batang Lupar tidak ketinggalan daripada segi pembangunan dan juga hal ekonomi mereka.

Jadi, kerajaan negeri telah membuat rancangan Tuan Yang di-Pertua, iaitu satu jalan di pesisiran. Dulu....[ *Yang Berhormat dari Bintulu keluar dari Dewan*]..dengarlah Bintulu, orang cakap. Keluar pula. Dulu masa zaman koloni, orang Sarawak kata, buat satu jalan di tengah-tengah negeri Sarawak. Orang Iban pun tidak dapat benefit daripada jalan itu, orang Bidayuh pun tidak dapat benefit daripada jalan itu, Cina pun tidak dapat benefit daripada jalan itu, orang Melayu jauh sekali.

Apa yang ada, buat jalan untuk jalan itu sahaja. Jadi, ekonomi tidak terbina atas jalan yang tidak mendatangkan attract economic force di jalan-jalan yang telah dibina pada masa koloni dulu.

Pada masa sekarang, kerajaan negeri telah merancangkan satu jalan yang dikatakan jalan pesisiran. Jalan pesisiran ini disokong pula dengan jalan-jalan "spur" iaitu jalan menghubungkan tiap-tiap kampung kepada jalan pesisiran. Tetapi masalah pada masa sekarang Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah untuk memberi wang membina dan menyiapkan jalan pesisiran tersebut di kawasan-kawasan di tepian laut termasuk kawasan Batang Lupar.

Jadi, apa yang saya minta supaya pihak kerajaan jangan melupakan kawasan di tepian laut itu. Kawasan Parlimen di tepi laut, jangan orang kata nanti seperti yang telah dibangkit macam orang Bintulu. Orang Bintulu DAP, orang Bintulu lain tidak ada. Dia kata, yang terpencil di tepi laut itu dibiarkan macam itu sahaja. Jadi, kalau kerajaan mengambil tindakan supaya rancangan kerajaan negeri itu diisi dengan sumber kewangan, insya-Allah, dengan masa yang singkat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini, jalan itu akan siap dan sumber ekonomi akan berlaku juga di sana dan dapatlah orang Melayu, orang Iban yang duduk di tepi laut dan di pertengahan kampung mendapat nikmat daripada pembangunan. Bukan apa yang dibuat pada tahun 60-an dulu.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak hendak orang bandar jadi orang bandar, orang kampung jadi orang kampung, orang bukit menjadi orang bukit begitu sahaja. Kita

hendak supaya mereka menikmati pembangunan yang sama. Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya tidak terlibat daripada segi pengagihan boundary yang baru ini kerana sedikit sahaja. Orang saya hilang 600 pengundi sahaja. 600 lebih pengundi tetapi kawasan yang terlibat besar, lebih besar daripada kawasan Larut, kata dia bukan saya yang sebut. Kalau satu hari perjalanan tidak boleh habis. Tempat kawasan yang dikeluarkan daripada kawasan saya tetapi penduduk di kawasan itu adalah 600 daripada orang Melayu, Bugis dan Jawa - orang penyokong kuat kepada parti PBB.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soalan pembangunan. Saya berharaplah pihak kerajaan terutama sekali Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengagihkan banyak lagi untuk membangunkan infrastruktur luar bandar...

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat...

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sikit. Sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tuan bangun atas Peraturan Mesyuarat.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Apa cerita tunjuk buku?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** 36(1) Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan hal pembangunan luar bandar. Ini hal SPR, jadi kenalah kawan saya dari Batang Lupar berucap atas perkara yang sedang dibincang sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik, saya akan membuat keputusan. Yang Berhormat dari Batang Lupar, walaupun kuliah Yang Berhormat itu cukup menarik, tetapi saya hendak nasihatkan Yang Berhormat supaya balik kepada tajuk supaya tidak terpesong sangat.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kadang-kadang kalau Tuan Yang di-Pertua sebut saya menjunjung perintahlah, tetapi kalau Tuaran itu cakap saya tidak dengarlah. Oleh itu, terima kasihlah kerana memanglah tugas Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ini menyeleweng sedikit aturkan jalan, macam jalan-jalan di tepi laut juga, kalau tidak ada kita kena buat supaya orang tidak akan menyeleweng ke kiri, ke kanan macam PBS dahulu dalam Barisan Nasional, tetapi keluar - itu salah, jangan buat macam itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu soalan lagi mengenai Ahli Parlimen, tetapi kalau Tuaran kata ini tidak ada kena-mengena dengan soalan ini, saya minta Tuaran keluar sahajalah jangan mendengar, sebab soalan kawasan Parlimen, kawasan Negeri ini ada hubung kait dengan Ahli Parlimen. Tugas dan tanggungjawab Ahli Parlimen - kalau tidak hendak dengar berhenti jadi Ahli Parlimen. Oleh itu, tugas dan tanggungjawab Ahli Parlimen pada masa sekarang jadi 'by-stander' Tuan Yang di-Pertua, orang pandang daripada luar sahaja, D.O - buat, residen - buat, kerani - buat, tetapi Ahli Parlimen tidak buat. Apa yang Ahli Parlimen buat pergi ke satu upacara (function), yang Yang Berhormat duduk di hadapan, kalau ada riben, potong riben, kalau ada upacara pecah batu - pecah batu, itu sahaja. Jadi, kita Ahli Parlimen hendak lihat

tugas dan tanggungjawab yang lebih penting, yang lebih bermakna, yang terlibat bukan sahaja dari rancangan tetapi dasar-dasar peringkat pusat sampai ke peringkat daerah. Kalau tidak hendak tidak payahlah, you duduklah di rumah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat teruskan, tidak apa.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Insya-Allah, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal kerusi. Kita ada Kerusi Negeri - 6, Kerusi Parlimen 1. Jadi, apa yang diheboh-hebohkan oleh orang Sarawak sedikit sahaja. Orang Sarawak memang selalu berkompromi, cerita banyak tidak ada, di luar tidak ada, tidak ada berita dalam surat khabar. Kalau kita ada masalah, masuk dalam bilik, duduk sama-sama, minum kopi, makan goreng pisang, runding-cerita, habis - keluar, semua sedap hati. Jadi, soalan ini banyak diheboh-hebohkan oleh pihak akhbar walaupun tidak menjadi, iaitu macam mana hendak agihkan 6 kerusi, soalan ini semua sudah putus, serahkan kepada pucuk pimpinan kerajaan negeri.

Saya bersetuju betul perkara ini dibincangkan di antara parti yang berkenaan, Barisan Nasional dalam satu perbincangan mereka telah membuat keputusan mereka sendiri untuk mengagihkan bagaimana parti-parti ini dapat mengambil 6 kerusi tersebut. Tetapi pokok yang penting, Tuan Yang di-Pertua, jangan kita sangka 'air yang tenang tidak ada buaya', Batang Lupar cukup tenang, tetapi buaya - masuk tangan, tangan hilang, masuk kaki - kaki hilang. Tetapi dia [*kepada Y.B. Yunof Edward Marinking*] pandang saya sudah tidak kira lagi - macam saudara. Jadi,

janganlah kita pandang senang sahaja, garis panduannya ialah parti mesti menang dalam pilihan raya sebelum mewakili kawasan yang tertentu. Dengan sendirinya, pengagihan kawasan.....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Menunjukkan buku]*

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** ... Apa tunjuk buku? Ini soalan yang 6 kerusi ini lagi. Allahu-Akbar, pergi ke universiti dan balik jadi lawyer pun tidak faham, kawan ini bukan tidak pandai - cerdik, tetapi 'melebihi', kata orang, kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, ada pendidikan, pendidikan tidak diguna dengan sebaiknya inilah jadi begini. Bukan 'bodoh' tetapi cerdik, terlampau cerdik - hilang cerdik.

Tuan Yang di-Pertua, semua pembahagian dan pengagihan itu kita sepatutnya menyerahkan kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional di negeri agar jangan diheboh-heboh, digembar-gemburkan, kalau ada yang hendak buat itu DAPlah yang buat, kita apa ada - mesti menang. Tetapi menang, mestilah tunjuk kredibiliti kita, dengan kemenangan yang besar. Saya menang tanpa bertanding dahulu - sebab kita tahu, jadi macam Yang Berhormat dari Larut begitu juga.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi saya hendak cakapkan, tetapi ada beberapa orang rakan yang hendak berucap, pukul 5.00 petang kena habis. Jadi saya menyokong penambahan ini.....

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** ... tunggu sekejap ya! Bukan macam mana rakan dari Bintulu cakap, sama banyak dengan Semenanjung - masya-Allah - suka juga hati saya dengar supaya kawasan saya kecil. Kawasan saya sekarang masih 3 batang - Batang Lupar, Batang Sadong, Batang Saribas. Jadi orang tanya macam mana jaga 'Batang' banyak sangat [*Ketawa*], pada saya jaga 'Batang' ini tidak ada masalah, jaga yang lain itu yang masalah. [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baram.

**4.48 ptg.**

**Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama memberi pandangan dan sekali gus menyokong cadangan Perintah Perlembagaan Persekutuan, berkenaan Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Negeri Sarawak 1996 ini.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Perdana Menteri dan Suruhanjaya Pilihanraya iaitu SPR oleh kerana mengemukakan pindaan Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Negeri Sarawak 1996) di Dewan yang mulia ini pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari laporan SPR yang dikemukakan itu kita sedar bahawa SPR telah menjalankan suatu kajian yang mendalam ke atas perkara ini mengikut undang-undang Perkara 113 Fasal (2) Perlembagaan Persekutuan. Tugas ataupun kajian seperti ini memang sukar dilaksanakan oleh sebab-sebab tertentu yang berbentuk demografi, topografi dan masalah hubungan yang wujud di negeri Sarawak.

Walaupun demikian, SPR telah menjalankan tugas mereka itu dengan cemerlang dan boleh mengemukakan satu laporan dalam masa yang singkat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dari keputusan laporan itu, SPR telah mengesyorkan tambahan satu kerusi Parlimen untuk Negeri Sarawak iaitu Mambong P.172. Ini bermakna kerusi Parlimen Negeri Sarawak akan bertambah dari 27 kerusi ke 28 kerusi. Ini tentu baik bagi Negeri Sarawak. Sementara bagi kerusi Negeri pula SPR juga berpendapat bahawa pertambahan 6 kerusi Negeri untuk Negeri Sarawak sepertimana yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 30hb Oktober 1995 adalah berpatutan. 6 kerusi baru yang telah disyorkan ini ialah Samariang, Kedup, Nanka, Jepak, Senadin dan Ba' Kelalan. Ini bermakna kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak akan bertambah dari 56 kerusi sekarang ke 62 kerusi.

Tuan Yang di-Pertua, kelulusan penambahan kerusi baru ini adalah sangat bermakna bagi Negeri Sarawak, khususnya bagi masyarakat yang berbilang kaum itu. Cadangan ini akan memberi peluang kepada rakyat Malaysia yang bermastautin di Sarawak untuk menyuarakan bebanan atau masalah mereka melalui wakil rakyat ataupun wakil negeri yang bertambah.

Kita sedar bahawa Negeri Sarawak adalah luas iaitu 124.3 ribu kilometer persegi. Dari segi geografi dan demografi dengan bilangan penduduk yang kecil iaitu 1.8 juta orang iaitu kira-kira 15 orang untuk satu kilometer persegi. Walaupun Sarawak telah banyak mengalami perubahan dan kemajuan sejak persempadanan yang terakhir pada tahun 1987 di mana banyak dibina rangkaian jalan raya dan kemudahan-

kemudahan yang lebih sempurna dan selesa, namun masih terdapat banyak kawasan-kawasan pedalaman yang langsung tidak mempunyai jalan raya atau lain-lain kemudahan pengangkutan.

Berikutan dengan keadaan demografi atau taburan penduduk-penduduk di negeri Sarawak terdapat juga beberapa kawasan hutan dan kawasan pergunungan yang mempunyai kelompok-kelompok penduduk yang perlu diberi hak di dalam pilihanraya. Justeru itu, pembahagian bahagian-bahagian pilihanraya di kawasan luar bandar sangatlah penting. Dalam keadaan sekarang, banyak kawasan pilihanraya luar bandar yang terlalu luas dan sangat susah dilawati dan dikawal oleh seseorang wakil negeri atau wakil rakyat sahaja. Jadi, usaha untuk memperkecilkan bahagian-bahagian pilihanraya luar bandar ini akan meringankan beban wakil-wakil rakyat di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa berpuas hati dengan cadangan ini oleh kerana kawasan Parlimen Baram telah dikecilkan dari 22,000 kilometer persegi ke 18.9 ribu kilometer persegi. Daerah pengundi Bario yang mengadungi seramai 1,241 pengundi telah dipindahkan dari kawasan Baram atau kawasan Telang Usan dan dimasukkan ke kawasan Bukit Mas, kawasan sahabat saya Wakil Rakyat Bukit Mas.

Dengan adanya kawasan negeri yang baru itu, Bakelalan, maka rakyat di kawasan tersebut akan berpeluang untuk mempunyai seorang wakil daripada mereka. Sebahagian dari perasaan saya adalah merasa sedih oleh kerana daerah pengundi Bario ini akan dikeluarkan dari kawasan Telang Usan dan Baram. Tetapi atas kepentingan

negeri dan rakyat, semua pembahagian kawasan itu sangat perlu. Saya sendiri pun sedar. Saya berharap penduduk di Bario pun mempunyai pandangan yang begitu untuk kepentingan rakyat.

Pembahagian bahagian-bahagian pilihanraya Ba' Kelalan adalah dialu-alukan, oleh kerana Ba' Kelalan akan memberi peluang kepada kaum Orang Ulu, khususnya kaum Lunbawang, kaum Kelabit, kaum Bisaya, Iban, Penan dan lain-lain tersebut untuk mempunyai seorang wakil rakyat Dewan Undangan Negeri tersendiri bagi mereka. Ini sangat bermakna sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi sedikit pandangan tentang kriteria-kriteria yang digunakan untuk memperbahagikan bahagian-bahagian pilihanraya ini. Sepertimana yang telah dicatit dalam laporan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), saya bersetuju kriteria-kriteria tersebut sangatlah penting kerana ia berasaskan kepada latar belakang geografi, demografi dan cara hidup serta kebudayaan masyarakat negeri Sarawak. Yang saya hendak sentuh sedikit ialah dari segi faktor weightage. Saya rasa weightage untuk kawasan yang lebih luas amatlah perlu diberi, khususnya bagi kawasan di luar bandar. Ini perlu oleh kerana kawasan luar bandar ini seperti kawasan saya sendiri Baram, Ulu Rajang dan kawasan-kawasan yang lain amatlah sukar untuk ditadbir dan dilawati. Perhubungan di antara satu kampung dengan satu kampung itu sangat sukar dan tidak dapat dilawati dengan memuaskan. Kadang-kadang kami hanya dapat memakai perahu sahaja ataupun berjalan kaki berhari-hari untuk berjumpa dengan rakyat.

Oleh yang demikian, pertimbangan yang berpatutan perlu diberi kepada keluasan kawasan apabila membuat kajian yang seperti ini dalam beberapa kajian pada masa yang akan datang. Kawasan yang luas itu patut dikecilkan setakat mana yang kita boleh buat dari segi bilangan pengundi-pengundi di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk di luar bandar sering mendengar melalui radio, TV, surat khabar bahawa berapa majunya negara Malaysia dan Malaysia pun ada dalam keadaan ekonomi yang baik. Tetapi saya sering mendengar mereka menyoal mengapakah mereka tidak menikmati kejayaan dan pembangunan tersebut? Jawapan kepada soalan seperti ini kita boleh beri kepada mereka. Tetapi untuk menampung keperluan mereka di pedalaman ini, saya hendak bercadang kepada kerajaan supaya memberi pertimbangan untuk menambah lagi peruntukan projek MRP bagi tiap-tiap kawasan, khususnya bagi kawasan luar bandar. Pertimbangan yang sewajar seperti ini akan memberi peluang kepada penduduk-penduduk di luar bandar untuk menikmati pembangunan, iaitu secara 'spin off' dari kejayaan negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, saya juga ingin tahu selepas kelulusan cadangan Perintah Perlembagaan Persekutuan 1996 ini nanti, adakah kawasan baru negeri itu dipertanggungjawabkan oleh wakil rakyat yang dahulu ataupun asal atau wakil rakyat yang mengambil alih kawasan tersebut.

Dengan ucapan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong cadangan dan syor-syor yang dikemukakan itu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Bukit Mas

**4.58 ptg.**

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil peluang untuk memberi pandangan dan sokongan penuh saya terhadap draf Perintah Perlembagaan Persekutuan, iaitu Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya di Negeri Sarawak 1996 yang dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kawasan saya, iaitu kawasan Bukit Mas dan rakyat keseluruhannya dan juga rakyat Sarawak amnya, ingin mengucapkan tahniah, syabas, juga penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga khusus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) atas pembentangan pemindaan akta Persekutuan ini yang telah dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi. Secara langsung perkara ini ada kaitan dengan kawasan saya Bukit Mas, dan saya mengucapkan sekali lagi tahniah dan terima kasih, oleh kerana kawasan Bukit Mas sekarang ini ada satu kawasan baru, iaitu kawasan N. 62 Ba' Kelalan.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan draf Perlembagaan ini adalah sesuai dan tepat dan kena dengan masanya memandangkan negeri Sarawak yang mempunyai keluasan kawasan kira-kira 124,386 kilometer persegi, iaitu kira-kira hampir sama besar dengan keluasan Semenanjung Malaysia. Sekarang hanya ada mempunyai 27 bahagian Parlimen ataupun 27 Wakil Rakyat, dan 56 bahagian pilihanraya Negeri ataupun 56 Ahli Dewan Undangan Negeri.

Dengan adanya kelulusan draf ini nanti, yang menambahkan lima kawasan baru pilihan raya negeri Sarawak iaitu N.7 Samariang, N.17 Kedup dan N.43 Nangka, N.54 Jepak, N.57 Senadin, N.62 Ba' Kelalan dan satu lagi iaitu kawasan Parlimen baru iaitu P.172 Mambong. Ini bermakna negeri Sarawak akan mengadakan sejumlah 62 kerusi Dewan Undangan Negeri dan berjumlah 28 kerusi untuk kawasan Parlimen.

Saya rasa ini adalah sesuai oleh kerana ia dapat memudahkan Wakil-wakil Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk melawat kawasan-kawasan supaya dapat membantu rakyat jelata khususnya di kawasan pedalaman dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan ini dengan secara prinsipnya saya menyokong penuh, oleh kerana kalau kita banding ataupun pandang dari beberapa aspek, misal kata pertama, dari segi pertambahan pemilih, sejak 1987 terdapat pertambahan pemilih seramai 210,228 orang di negeri Sarawak.

Yang kedua, saya rasa, sejak tahun 1980-an sampai sekarang ini, negeri Sarawak mengalami pembangunan ekonomi yang begitu pesat oleh kerana kestabilan politik di negeri Sarawak dan juga prinsip politik pembangunan yang diamalkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak sendiri dan dengan adanya prinsip politik pembangunan ini, projek-projek yang secara besar-besaran dapat dilaksanakan dengan mudah, dengan berterusan. Misal kata, pembangunan tanah secara komersil, secara besar-besaran, pembinaan jalan raya, penubuhan industri-industri tempatan yang menelan belanja beratus-ratus juta dan juga pada tahun-tahun kebelakangan ini, kita

mendengar beberapa projek gergasi yang akan dilaksanakan di negeri Sarawak selepas pembinaan MLNG II, kita juga akan mengadakan satu MLNG III mungkin memakan belanja sebanyak RM17 bilion dan juga projek HEP Bakun dan pembangunan estet industri yang secara besar-besaran dan kita juga difahamkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bagi negeri Sarawak, berjumlah RM75 bilion projek akan dilaksanakan ataupun dirancangkan di negeri Sarawak dalam tahun-tahun yang akan datang.

Sekiranya kita membayangkan apa yang akan terjadi pada masa-masa yang akan datang, ia bermakna perpindahan penduduk dari satu tempat ke tempat yang lain untuk mencari peluang pekerjaan khususnya di kawasan yang maju. Selain daripada itu, kawasan pedalaman, kawasan luar bandar mungkin ditinggalkan.

Oleh kerana itu, saya menyokong penuh oleh kerana dengan adanya kelulusan nanti, kita ada pertambahan kawasan pilihan raya Parlimen dan kawasan Dewan Undangan Negeri untuk negeri Sarawak dan lebih-lebih lagi iaitu di kawasan saya iaitu di Bukit Mas, saya ingin sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi tahniah khusus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, oleh kerana kepimpinan yang begitu wajar dapat merancangkan segala sesuatu seperti yang kita adakan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri di Jabatan Perdana Menteri tidak lama sebelum Mesyuarat Persidangan Parlimen ini telah melawat kawasan saya dalam kawasan Bukit Mas dan oleh kerana kawasan ini sukar hendak dihubungi, saya hanya menumpang Yang Berhormat Menteri dalam dua hari memakai helikopter. Ini bermakna,

bagaimanakah perasaan saya, dengan izin, how happy I am, oleh kerana ada kawasan baru ditubuh di kawasan Bukit Mas bermakna ada lagi satu Ahli Dewan Undangan Negeri yang baru dapat memberi perkhidmatan khas untuk rakyat jelata di kawasan sana khususnya masyarakat kaum Orang Ulu.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar daripada rakan kita sebelah sana, Ahli Yang Berhormat dari Bintulu mengatakan ada sedikit ciri-ciri perkauman dalam persempadanan yang baru ini, saya ingin mengatakan di sini, bagi pihak kita, sebagai Wakil Rakyat daripada Barisan Nasional, memang persempadanan yang baru ini adalah wajar dan adil dan tepat dengan masanya.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya Bukit Mas, misal kata, kawasan baru N.62 Ba' Kelalan, bagaimana kita dapat mengadakan satu masyarakat majmuk di sana? Hanya masyarakat Orang Ulu sahaja yang ada di sana, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita mahu pindahkan orang Cina pergi ke kawasan Bario pun boleh juga, kalau mereka ingin berbuat demikian ataupun masyarakat India ataupun Melayu.

Ini bukan salah kita, bukan salah SPR, bukan salah kerajaan tetapi oleh kerana kedudukan muka bumi di kawasan kita. Oleh kerana itu, memang tidak tepat kita menyalahkan SPR atau kerajaan negeri atau Kerajaan Persekutuan dan saya menyatakan sokongan kita penuh di atas cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan satu perkara iaitu dengan adanya persempadanan baru ini saya berharap di kawasan-kawasan pedalaman seperti kawasan saya Bukit Mas, Kementerian Pembangunan Luar Bandar khususnya dapat

menekan memberi tumpuan khusus untuk membantu dalam membangun kawasan-kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan N.62 ini, setakat ini belum ada pekan, dengan izin, there is no town, no service centre, dan saya akan memohon kepada kerajaan negeri dan juga kepada kementerian yang berkenaan dan berharap kementerian ataupun Jabatan Perdana Menteri dapat mengambil perhatian oleh kerana di kawasan Bukit Mas khususnya di kawasan baru N.62 ini, agensi, almost 100%, dengan izin, masyarakat Orang Ulu. Oleh kerana itu, saya berharap dengan adanya kerajaan yang bertanggungjawab yang penuh keprihatinan kepada masalah masyarakat, saya mempunyai penuh kepercayaan bahawa nasib masyarakat ataupun rakyat di kawasan luar bandar dapat dibela oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya juga merasa begitu megah, dengan izin, I am very proud, oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional dapat mengadakan satu cadangan seperti begini, seperti yang saya katakan tadi, kalau boleh kalau ada ciri-ciri yang lain, kriteria-kriteria yang lain supaya kita dapat menambahkan lagi berapa banyak Ahli Parlimen daripada Sarawak, oleh kerana negeri itu besar sekali, ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri yang mungkin, dengan izin, there is an advantages, oleh kerana kita tidak ada penduduk yang begitu banyak.

Walaupun begitu, kita harus pandang dari segi luas kawasan, misal kata di kawasan Bukit Mas - 10,847 kilometer persegi, Hulu Rajang yang begitu besar di Sarawak - 31,817 kilometer persegi, kawasan Baram - 18,924 kilometer persegi dan

ketiga-tiga kawasan ini, Hulu Rajang, Baram dan Bukit Mas hanya kawasan yang kita boleh melihat masyarakat Orang Ulu, kaum Penan, Kelabit, Kayan, Kenyah, Sekapan dan lain-lain dan walaupun begitu, kita sekarang ini ada tiga orang Wakil Rakyat daripada masyarakat Orang Ulu dan dengan adanya persempadanan ini di dalam Dewan Undangan Negeri juga, masyarakat Orang Ulu berterima kasih kepada kerajaan, oleh kerana ada satu kawasan lagi untuk rakyat iaitu kaum berketurunan Orang Ulu di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, dengan penuh kepercayaan dan keyakinan, kita menyokong penuh cadangan ini oleh kerana kita merasa bahawa kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang bertanggungjawab, yang sentiasa mementingkan kepentingan rakyat bukan dengan kepentingan sekelompok masyarakat tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tuaran, selepas itu Menteri diminta menjawab.

**5.10 ptg.**

**Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk membahas Usul yang dibentangkan pada hari ini dan terlebih dahulu izinkan saya juga mengucapkan tahniah kepada negeri Sarawak, jiran negeri Sabah, kerana diberi tambahan kerusi Dewan Undangan Negeri (ADUN) - 6 lagi kerusi dan satu kerusi untuk Parlimen.

Sudah tentu keadaan pembangunan di negeri Sarawak selepas merdeka bersama-sama Sabah dalam tahun 1963 memerlukan presentation yang lebih efektif di Dewan Undangan Negeri dan juga di dalam Parlimen yang mulia ini.

Sesudah penambahan kerusi ini dilaksanakan, pastilah rakyat di negeri Sarawak, khususnya di luar bandar akan dapat menikmati, bukan sahaja perkhidmatan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan juga Parlimen yang lebih berkesan kerana kawasan-kawasan yang mereka wakili akan bertambah kecil dan di dalam keadaan yang sedemikian, pembangunan juga dapat di kawal selia dengan lebih efektif dan berkesan.

Saya juga merasa bangga kerana di dalam konteks Sarawak, SPR telah membuat satu keputusan yang tepat, oleh kerana di dalam perhitungan mereka, bukan semata-mata menggunakan faktor kependudukan, tetapi geografi di negeri Sarawak yang memang kalau hanya mengikut faktor kependudukan sahaja, mungkin penambahan kerusi ini belum timbul. Tetapi mujurkan SPR telah mengambil kira keadaan geografi dan masalah perhubungan di Sarawak. Yang saya tidak senang ialah tingkah laku SPR.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Sipitang bangun.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tidak ada masa Yang Berhormat.

*[Sorak]*

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana di negeri Sarawak SPR telah bertindak adil, tetapi di negeri Sabah.....

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Ini Sarawak bah, bukan Sabah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, suara dari mana ini? *[Ketawa]* Teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Di Sabah, tingkah laku SPR, very highly questionable, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Sipitang bangun.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tidak ada masa, minta maaf.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yunof Edward Meringking:** Very highly questionable, Tuan Yang di-Pertua. Mengapa tidak, di Sarawak keadaan geografinya sama juga dengan negeri Sabah. Tetapi di Sabah tidak ada pertambahan, hanya diubah mengikut cita rasa SPR untuk membantu Barisan Nasional mengurangkan kerusi yang di menangi oleh PBS pada masa yang lalu.

Saya fikir trend seperti ini tidak begitu baik. Jikalau diteruskan sudah tentu kewibawaan SPR akan dipersoalkan dan kepercayaan rakyat terhadap sistem demokrasi ataupun pilihan raya di negara kita ini boleh luntur oleh kerana SPR tidak bertindak bebas seperti yang diharap-harapkan menurut perlembagaan. Jadi, dalam

konteks ini, SPR seharusnya bertindak menurut undang-undang dan tidak memihak kepada mana-mana parti politik. Dia harus bertindak di dalam hal pengagihan kerusi menurut keperluan di tiap-tiap negeri bukan menurut keperluan mana-mana parti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh, misalnya kawasan Sook di negeri Sabah - hilang begitu sahaja, demikian juga Langkon - hilang begitu sahaja. Dengan tiba-tiba timbul pula dua kerusi di Sinalang dan Kalabakan. Kenapa tidak tambah sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ini cerita Sabahkah atau Sarawak?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Point of order 36(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, saya beri teguran sedikit. Batang Lupar dan Rompin bangun.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu. Ya, Batang Lupar, hendak minta jalankah atau Peraturan Mesyuarat?

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Point of order - 36(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, baik, nanti sekejap - 36(1)?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Dia hanya sebelah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Tahulah dia siapa.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ia terpesong. Itu adalah terserah kepada saya. Saya buat keputusan.....

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya biasanya akur.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti Yang Berhormat, Tuaran, dinasihatkan supaya balik kepada tajuk. Ini bersabit dengan Sarawak bukan Sabah. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Sarawak itu memang kawan, tidak perlu ganggu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kalau bagi contoh, sekadar contoh.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, itu hanya contoh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya rasa ini banyak sangat elaborate.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ya, hanya contoh.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Rompin bangun.....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tidak ada masa, minta maaf, lain kali, itu hanya contoh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan. Jangan tawar-menawar.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebut keadaan tadi adalah sebagai contoh - tentang tingkah laku yang tidak adil. Itu sahaja, jadi saya fikir itu tidak terkeluar daripada perkara yang sedang dibincangkan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Cepatlah sedikit.

*[Ketawa]*

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, dalam pengagihan kawasan ataupun .....

**Tuan Radin Malleh:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tenom.

**Tuan Radin Malleh:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Tuaran, adakah Yang Berhormat dari Rompin hendak menghina kepada Tuaran, mentang-mentang dia doktor.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila teruskan ucapan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Saya ingin memberi penjelasan, bahawa ini .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini terkeluar daripada ucapan Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ini tentang tingkah laku.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Kita seharusnya menjadi contoh di dalam Dewan ini, minta bertanggungjawab.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 36(6), Tuan Yang di-Pertua - sangkaan jahat. Saya tidak menghina kepada Tuaran, oleh kerana itu tidak perlu saya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Yunof Edward Meringking:** Saya tidak tahu apa Yang Berhormat cakapkan ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memperjelaskan apa yang dikatakan itu tidak betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta duduk. Sila teruskan Tuaran.

**Tuan Yunof Edward Meringking:** ADN Barisan Nasional pun sama dengan SPR, Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yunof Edward Meringking:** Ahli-ahli Dewan tidak menghormati seperti yang diperuntukkan di dalam Peraturan Mesyuarat. Jadi, mintalah Ahli-ahli Barisan Nasional tolong bertanggungjawab. Kita di sini di pilih oleh rakyat.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berucaplah di atas .....*[Ketawa]*. Sila.

**Tuan Yunof Edward Meringking:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, di dalam SPR menjalankan tugas, seharusnya dia menjalankan tugas menurut peruntukan undang-undang. Di dalam peruntukan undang-

undang, ada dua faktor yang hendak diambil kira iaitu keadaan geografi di sesuatu tempat dan juga kepadatan penduduk.

Di Sarawak, kepadatan penduduknya juga tidak begitu bertambah sejak 1963 yang lalu. Di Sabah pula begitu bertambah tetapi di Sarawak banyak pertambahan kerusi, Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak dilakukan di negeri Sabah. Jadi, inilah contoh-contoh di mana SPR ini tidak bertindak bebas seperti yang diharap-harapkan oleh rakyat. Di samping itu, juga memang kita sudah dengar banyak perkara mengenai SPR terlibat di dalam hal pendaftaran pengundi juga. Jadi, saya harap SPR akan bertindak menurut Perlembagaan dan jangan mengikut sesuka hati mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak ini banyak yang diberi keistimewaan. Kita di Sabah diperanak tirikan, jadi kita harap perbuatan ini akan dihentikan oleh kerana kita adalah satu negara. Sabah sama-sama dengan Sarawak membentuk Malaysia bersama dengan Persekutuan Malaya. Jadi, kalau penghormatan itu tidak sama dan layanan itu tidak sama, salahkan rakyat yang tidak diberi layanan itu merayu ataupun mengeluh dengan cara apapun dan adakah ini akan menguntungkan kepada negara kelak?

Jadi, saya mintalah supaya SPR jangan memihak mana-mana parti bila membuat kajian di dalam...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat tidak boleh membenarkan membuat tuduhan ke atas SPR, Yang Berhormat. [*Tepuk*]

36(8) agak saya. Ada apa-apa lain Yang Berhormat hendak ucap, kerana perkara Yang Berhormat ucap itu tidak bersangkutan dengan tajuk, Yang Berhormat.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Minta Yang Berhormat tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Dia minta tarik balik, Yang Berhormat. Bolehkah? *[Ketawa]*

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, saya akur atas arahan Tuan Yang di-Pertua tetapi saya berdiri atas kenyataan.

**Seorang Ahli:** Syabas, Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

**5.24 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Yang Berhormat dari Santubong, Sri Aman, Lanang, Batang Lupar, Baram, Bukit Mas dan mereka daripada pembangkang, Bintulu dan Tuaran yang telah mengambil bahagian dalam usul yang dibentangkan sebentar tadi.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat dari Santubong yang menyentuh berkenaan dengan bilangan wanita akan ditambah dalam Dewan Undangan Negeri pada pilihan raya yang akan datang. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak merangkap Presiden PBB sudah lama membuat kenyataan umum bahawa parti PBB akan menambah seorang wanita untuk *[Tepuk]* pilihan raya yang akan datang. Bukanlah seperti tuduhan Yang Berhormat dari Tuaran bahawa Yang Berhormat dari Santubong hanya hendak meminta belas kesihan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang ada di dalam Dewan ini.

Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Santubong, Dewan Undangan Negeri Sejingkat telah bertukar nama kepada Demak Laut dan selain daripada apa yang beliau sebutkan tadi bahawa sepertimana dinyatakan di dalam menjalankan urusan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya, SPR bukan sahaja dibenarkan meminda bahagian-bahagian pilihan raya tetapi juga nama-nama bahagian pilihan raya tertentu juga boleh dipinda, jika didapati perlu.

Pada pendapat Suruhanjaya Pilihanraya, nama Demak Laut lebih sesuai kerana ianya merupakan kawasan perindustrian baru di Negeri Sarawak. Demak Laut juga merupakan kawasan yang meliputi seluruh bahagian pilihan raya berkenaan berbanding dengan Sejingkat yang hanya merupakan nama sebuah kampung di dalam kawasan berkenaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sri Aman telah mencadangkan supaya sempadan bahagian pilihan raya dibuat mengikut sempadan bahagian ataupun daerah pentadbiran. Dalam menjalankan urusan persempadanan, SPR sebolehnya menggunakan sempadan daerah pentadbiran untuk memudahkan urusan pentadbiran.

Walaupun bagaimanapun, di setengah-setengah tempat, oleh kerana masalah jumlah pemilih yang rendah, maka cadangan untuk menggunakan sempadan daerah pentadbiran tidak dapat dilaksanakan dan oleh itu SPR terpaksa melangkaui daerah pentadbiran.

Yang Berhormat itu juga membangkitkan kesukaran dari segi kemudahan perhubungan sekiranya cadangan persempadanan SPR dilaksanakan. Walaupun dakwaan ini ada benarnya, ianya hendaklah dilihat dalam konteks negeri Sarawak dan tidak patut dibandingkan dengan negeri-negeri lain terutamanya negeri-negeri di Semenanjung ini.

Walaupun kerajaan telah berusaha untuk meningkatkan tahap rangkaian infrastruktur di negeri itu, tetapi oleh sebab Sarawak merupakan sebuah negeri yang sangat besar dan taburan penduduk yang berselerak, rangkaian infrastruktur ini tidak dapat menandingi kemudahan yang ada di Semenanjung.

Walaupun bagaimanapun, wakil-wakil rakyat masih dapat menemui rakyat yang diwakilinya melalui sistem perhubungan yang ada pada masa sekarang iaitu sama ada melalui darat, udara, laut atau sungai.

Beliau juga memberitahu bahawa beliau terpaksa menghubungi dua tiga pegawai daerah untuk menjalankan projek MRP beliau. Sebenarnya saya sendiri dalam kawasan Kuala Rajang terpaksa berhubung dengan Pegawai Daerah Sibul, Bentangor, Sarikei, Mat Daro dan Matu. Lima orang pegawai daerah untuk menjalankan projek-projek di kawasan saya sendiri.

Beliau juga telah menyentuh berkenaan dengan faktor weightage. Yang Berhormat dari Baram pun menyentuh juga faktor ini. Faktor weightage sebagai menepati kehendak Perlembagaan perlu diberikan kepada keluasan kawasan-kawasan dan bukan bilangan pemilih dari kawasan luar bandar atau pedalaman.

Sungguhpun demikian, boleh diperhatikan di dalam perakuannya bahawa SPR telah mengelakkan daripada memberi penekanan yang lebih atau keutamaan kepada weightage tanpa had yang berpatutan. Ini dilakukan untuk mendapat bilangan pemilih

yang sesuai dan berpatutan bagi bahagian pilihan raya di dalam kawasan luar bandar dan pedalaman yang pada amnya merangkumi kawasan-kawasan yang amat luas dan sukar ditadbirkan.

Ahli Yang Berhormat sekalian boleh mengkaji daripada laporan itu bahawa SPR telah menggunakan faktor weightage ini secara berhati-hati untuk mengurangkan penggunaan prinsip yang berkenaan ke atas prinsip lain khususnya bilangan pemilih dalam tiap-tiap bahagian.

Dengan sebab itulah kategori-kategori bahagian pilihan raya telah dikenal pasti dan menjadikan sebagai garis panduan untuk menentukan bahawa bilangan bahagian pilihan raya yang jumlah pemilihnya kecil dihadkan kepada satu bilangan yang kecil sahaja.

Contohnya, di negeri Sarawak, bahagian pilihanraya yang jumlah pemilihnya kecil dihadkan kepada satu daerah pentadbiran iaitu bahagian Kapit yang mempunyai dua bahagian Parlimen dan 4 bahagian negeri, manakala daerah pentadbiran yang mempunyai bilangan pemilih yang besar seperti Bandar Kuching mempunyai 6 bahagian Parlimen dan 13 bahagian negeri. Dari segi luas kawasan, jelas bahagian Kapit yang diberi status luar bandar jauh lebih luas daripada bahagian Kuching yang diberi status bandar.

Yang Berhormat dari Bintulu telah menyentuh berkenaan konsep “seorang satu undi”, dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat adalah tidak benar. Yang Berhormat sebenarnya keliru dengan konsep “seorang satu undi” kerana semua pemilih yang mendaftar adalah layak mengundi. Pengwujudan sesebuah bahagian pilihanraya tidak sahaja ditentukan oleh pemilih, tetapi perlu juga diambil kira keluasan kawasan

dan kesukaran yang perlu dihadapi oleh wakil rakyat. Ini perlu dilakukan supaya setiap rakyat dapat diwakili secara adil.

Beliau juga mencadangkan supaya diwujudkan lebih banyak bahagian pilihanraya Parlimen di Sarawak. Cadangan Yang Berhormat dari Bintulu ini sukar untuk dipertimbangkan kerana jika lebih bahagian pilihanraya Parlimen diwujudkan di negeri Sarawak, ini akan mengganggu purata pemilih yang ditetapkan iaitu seramai 29,195 untuk Parlimen.

Beliau juga meminta menghentikan kegiatan pembeli undi ketika pilihanraya. Undang-undang telah menentukan calon-calon hendaklah mengemukakan penyata perbelanjaan pilihanraya dalam tempoh 31 hari selepas keputusan pilihanraya diwartakan. Jika didapati ada wakil rakyat yang berbelanja lebih daripada yang dibenarkan oleh undang-undang, Yang Berhormat boleh menyemaknya dan jika didapati ada perbelanjaan yang lebih, Yang Berhormat boleh membuat laporan polis.

Ahli Yang Berhormat juga mencadangkan supaya pembahagian pilihanraya dibuat mengikut peratus pemilih yang terdapat di negeri Sarawak. Cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sukar untuk dilaksanakan kerana penempatan penduduk sendiri adalah mengikut kaum, misalnya kaum Cina kebanyakannya tinggal di bandar, manakala kaum bumiputera pula kebanyakannya tinggal di luar bandar. Ini bukan sahaja terdapat di Sarawak, tetapi juga di negeri-negeri lain di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rakan saya dari Batang Lupar telah banyak mengeluarkan hujah-hujah untuk membalas dan membetulkan hujah-hujah wakil rakyat DAP dari Bintulu itu yang boleh dianggap omong kosong sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tidak ada masa, Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Pong!

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Baram telah bertanya bilakah wakil rakyat baru atau wakil rakyat yang sedia ada mengambil alih kawasan yang diluluskan pada hari ini?

Sebenarnya, apabila Dewan Undangan Negeri dan Parlimen dibubarkan nanti, barulah wakil rakyat baru mengambil alih kawasan baru. Misal kata, kalaulah dibubarkan Dewan Undangan Negeri Sarawak nanti selepas kita meluluskan usul pada hari ini, wakil rakyat baru apabila beliau menang di dalam pilihanraya yang akan datang di Sarawak beliaulah wakil rakyat yang menjalankan tugasnya sebagai ADUN yang baru.

Mengenai Parlimen, untuk setakat ini, Yang Berhormat menjalankan tugas MP setakat ini dan apabila Parlimen dibubarkan nanti dan selepas pilihanraya, maka wakil

rakyat baru, ataupun kalau Yang Berhormat bertanding semula dan menang, maka barulah Yang Berhormat menjalankan tugas mewakili kawasan yang baru nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat dari Bukit Mas kerana saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa kawasan Bukit Mas itu iaitu di Ba'kelalan ialah satu tempat yang mengeluarkan buah epal Sarawak. Buah epal ini, ada yang manis dan ada yang masam. Yang masam ini jikalau diulam dengan sambal belacan, memang first class. Jadi, kita ingin hendak mempopularkan buah epal dari Ba'kelalan, jadi itulah dia nama kawasan baru yang ditambah di negeri Sarawak ini.

Dengan itu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam debate usul ini. Terima kasih. [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa usul di atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu:-

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan di bawah Seksyen 10 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan bahawa draf bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya) (Negeri Sarawak) 1996, yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 2hb. April 1996 bersama dengan laporan Suruhanjaya Pilihanraya bertarikh 16hb. Februari 1996 mengenai Ulangkajian dan Persempadanan Semula Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sarawak dan

yang akan di buat di bawah Seksyen 12 Jadual tersebut untuk menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut, adalah diluluskan.”

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana usul ini dikehendaki dipersetujui dengan undi sebanyak tidak kurang daripada setengah daripada jumlah bahagian Ahli Majlis ini, sebagaimana yang dinyatakan di dalam Fasal 10, Bahagian II, Jadual 13, Perlembagaan Persekutuan dan mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46(5), maka dengan ini saya memerintahkan satu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama 2 minit.

**Loceng dibunyikan.**  
**Dewan berbelahbahagi.**  
**Undian dijalankan.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusannya. Yang Bersetuju ialah 127 orang [*Tepuk*]. Yang Tidak Bersetuju ialah 3 [*Tepuk*][*Disorak*]. Yang Tidak Mengundi ialah tidak ada.

**YANG BERSETUJU:**

Dato' Seri Ling Liong Sik

Dato' Seri S. Samy Vellu

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik

Datuk Leo Moggie anak Irok

Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Daud

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha

Datuk Law Hieng Ding

Dato' Dr. Ting Chew Peh

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi

Datuk Osu bin Haji Sukam

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid Haji Othman

Dato' Mustapa bin Mohamed

Tuan Ong Tee Keat

Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman

Dato' Loke Yuen Yow

Datuk Railey bin Jeffrey

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Yunus

Dato' Dr. Leo Michael Toyad

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed

Dato' Teng Gaik Kwan

Tuan Peter Chin Fah Kui

Dato' Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor

Dato' Wong See Wah

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau

Datuk Dr. Fong Chan Onn

Dato' Chan Kong Choy

Tuan Ong Ka Ting

Dato' K. Kumaran

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad

Dato' Abu Bakar bin Daud

Dato' S. Subramaniam

Tuan Dr. Goh Cheng Teik

Datuk Haji Mohd. Nazri bin Abd. Aziz

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar

Tuan Haji Idris bin Jusoh

Dato' M. Mahalingam

Dato' Mohd. Noh bin Rajab

Tuan Douglas Uggah Embas

Tuan Yong Khoon Seng

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman

Dato' Haji Muhammad bin Abdullah

Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud

Tuan Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh

Tuan Chor Chee Heung

Tuan Ong Tin Kim

Dato' Othman bin Abdul

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan

Tuan Che Ibrahim bin Mustafa

Tuan James Jimbun anak Pungga

Tuan Ruhanie bin Ahmad

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein

Dato' Abu Bakar bin Taib

Tuan Tan Chai

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin

Tuan Michael Lisa Kaya

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit

Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar

Tuan Jawah anak Gerang

Puan Lim Lay Hoon

Datuk Haji Shafie bin Haji Apdal

Dato' G. Palanivel

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman

Tuan Joseph Mauh ak. Ikeh

Dato' Haji Hanafi bin Ramli

Puan Rohani binti Abdul Karim

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof

Tuan Chang Kon You

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin

Tuan Ho Cheong Sing

Tuan Yeong Chee Wah

Tuang Chang See Ten

Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said

Tuan Haji Mustafa bin Muda

Tuan Dr. Haji Yusof bin Yaacob

Tuan Dr. Nungsari bin Ahmad Radzi

Tuan Ahad Husni bin Mohd. Hanadzlah

Puan Sukinam Domo

Tuan Noh bin Omar

Tuan Dr. Tan Chong Keng

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad

Tuan Vincent Ir. Lim Juo Phau  
Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman  
Tuan Zainal Abidin bin Osman  
Tuan Yunus bin Rahmat  
Puan Dr. G.Leelavathi  
Tuan Dr. Lee Chong Meng  
Datuk S'ng Chee Hua  
Tuan Dr. Tan Kee Kwong  
Tuan Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang  
Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman  
Tuan Abdul Aziz bin Yassin  
Tuan Jimmy Donald  
Dato' Hon Choon Kim  
Tuan Haji Hamzah bin Ramli  
Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz  
Tuan Hew See Tong  
Tuan Lim Siang Chai  
Puan Dr. Tan Yee Kew  
Dato' Yap Pian Hon  
Tuan Fu Ah Kiow  
Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi

Tuan Ahmad Kamaruzaman Baria

Tuan Abdul Rahin Dato' Mohd. Said

Tuan Tiong Thai King

Dato' Salamon bin Selamat

Tuan Lau Ngan Siew

Tuan Lim Si Cheng

Tuan Chia Kwang Chye

Tuan Jacob Dungau Sagan

Puan Ainon Khariyah bt. Dato' Mohd. Abas

Tuan Ho Seong Chang

Tuan Dr. Ramli bin Taib

Tuan Wong Kam Hoong

Tuan Dr. L.Krishnan

Tuan Dr. Yap Yit Thong

Puan Chua Soon Bui

**YANG TIDAK BERSETUJU:**

Tuan Dr. Tan Seng Giaw

Tuan Lim Guan Eng

Tuan Chiew Chiu Sing

**YANG TIDAK MENGUNDI:**

Tiada

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana tidak kurang setengah daripada jumlah bilangan Ahli Majlis ini telah mengundi bersetuju, maka usul ini dipersetujukan. [*Tepuk*]

Disetujui,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan di bawah Seksyen 10 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan bahawa draf bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya)(Negeri Sarawak) 1996, yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 2 April 1996 bersama dengan laporan Suruhanjaya Pilihanraya bertarikh 16 Februari 1996 mengenai Ulangkajian dan Negeri bagi Negeri Sarawak dan yang akan dibuat di bawah Seksyen 12 Jadual tersebut untuk menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut, adalah diluluskan.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Pampasan Pekerja (Pindaan) 1995 sebagaimana yang tertera sebagai No. 2 di dalam Aturan Mesyuarat dan Usul-usul pada hari ini.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Seri Dr. Lim Kheng Yaik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, satu usul yang menyatakan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Pampasan Pekerja (Pindaan) 1995 hendaklah dipersetujukan. *[Ketawa]*

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Pampasan Pekerja (Pindaan) 1995 sebagaimana yang tertera sebagai No. 2 di dalam Aturan Mesyuarat dan Usul-usul pada hari ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PAMPASAN PEKERJA (PINDAAN) 1995**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[10hb. April, 1996]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Batang Lupar sila sambung.

**5.51 ptg.**

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bercakap, tetapi ada orang yang hendak masuk, ada orang yang hendak keluar, jadi saya tunggu sekejaplah.

Sebelum saya menyambung perbahasan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk menyambung perbahasan. Jadi, saya akan bercakap dengan ringkas sahaja, oleh kerana saya dengar,

saya tidak tahu sama ada betul atau tidak betul - tidak tahulah. Saya dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri akan pergi ke Istanbul besok hari, jadi saya sudah kirim salam dengan orang Istanbul. Oleh itu, saya hendak bercakap sedikit sahajalah. Walaupun saya sudah sebut hendak cakap 1 jam lagi hari ini, tetapi oleh kerana dia hendak pergi saya cakap sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggulung, tetapi gulungan saya ini panjang sedikit iaitu soal tuntutan di bawah Akta Pampasan Pekerja 1992, ini saya telah sebutkan tadi, memang kelulusan pindaan ini saya alu-alukan, kerana saya sendiri telah pernah mengajukan beberapa tahun ini soal pindaan ini sepatutnya dibawa ke Dewan ini. Alhamdulillah pada hari kelmarin Dewan telah membawa pindaan ini untuk dibahaskan.

Pada hari semalam ada saya ceritakan masalah-masalah dan kesusahan terutama sekali masyarakat di Sarawak berkenaan membuat tuntutan-tuntutan yang tertentu.

Pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya menyebut terus, oleh kerana saya sudah berjanji untuk bercakap sedikit sahaja, menyebut terus kepada iaitu pindaan dalam Seksyen 8, perenggan 4, akta itu adalah dipinda di bawah ini mengatakan:

Dengan menggantikan “45 month earning or RM14,400 dengan perkataan 16 month earning or RM18,000...” dan seterusnya di bawah itu daripada RM19,000 ke RM23,000.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah kita maklumkan, peruntukan untuk gantirugi sebanyak RM14,000 telah diguna pakai semenjak tahun 1978. Jadi, kenaikan ini sampai sekarang ialah 20%. Tetapi semenjak tahun 1978 biarlah saya tidak payah sebut di Kuala Lumpur oleh kerana kenaikan harga, harta benda dan nilai wang. Kalau pada tahun 1978 dibanding dengan tahun 1995 atau 1996 adalah jauh bezanya, jadi biarlah perbandingan itu saya gunakan di Sarawak.

Pada tahun 1978 saya ada membeli sebuah rumah dengan harga RM62,000, pada tahun 1982 rumah itu dijual dengan harga RM140,000 dengan kenaikan lebih 100%. Jadi, kenapakah kenaikan di bawah pampasan ini hanya 20% pada tahun 1995? Dalam keadaan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, memang saya menyarankan kepada pihak kementerian agar gantian pampasan yang diberi di sini dinaikkan lagi ataupun dipertimbangkan untuk dinaikkan lagi, kerana kalau kita pandang dalam Schedule, seperti potong kaki, potong tangan semua sekali, mungkin tidak ada peluang langsung orang yang menuntut ini terutama orang yang telah cacat dan tidak boleh bekerja lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan saya pernah berlaku seorang hamba Allah berkerja dalam pembalakan hilang kedua-dua belah kaki sampai ke paha, umur pada masa dia kehilangan kaki itu ialah 25 tahun, tetapi sekarang dia sudah berumur 40 tahun. Dalam masa yang sama dia masih ada isteri dan sekarang anaknya sudah menambah - 5 orang, jadi hidupnya sekarang dengan pertolongan kebajikan masyarakat (welfare) sebanyak RM120 sebulan. Dahulu dia pernah menerima RM500

daripada pekerjaan balak. Jadi, pada keadaan yang sekarang kalau ada pampasan yang sebanyak RM18,000 pun tidak mendatangkan hasil, bagaimana mangsa yang sedemikian Tuan Yang di-Pertua? Walaupun saya menerima hakikatnya, kalau kes yang sama di bawah ke mahkamah sivil, dibawa tuntutan mahkamah sivil dengan adanya contributing negligent, adanya soal multiplier, multiplicand, soal limitation yang dibuat di bawah Civil Law Act umpamanya menghadkan atau kelambatan tuntutan itu dikeluarkan oleh mahkamah, nilai-nilai ini adalah berkurangan juga, tetapi tidaklah sekurang RM18,000 sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Dengan keadaan yang demikian, saya harap pihak kementerian melihat perkara ini daripada segi realitinya tuntutan-tuntutan yang diberi, kerana mustahil kalau orang di luar bandar, kalau orang bandar saya percaya.

Kalau orang di luar bandar mustahil akan berjumpa dengan peguam, kalau diberi RM10,000 oleh pihak SOCSO, RM10,000 itulah diterima, RM10,000 itulah tuntutan penghabisannya. Dia tidak akan pergi ke peguam untuk membuat tuntutan yang berlainan, walaupun di bawah undang-undang dia boleh membuat tuntutan sama sebagai alternatif ataupun sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap amaun yang ditetapkan di bawah Seksyen 8 ini patut setimpal dengan keadaan nilai harga duit 1978, tetapi bilamana seksyen ini diguna pakai, pada tahun 1995 apabila seksyen baru ini dipinda ia mendapat amaun hanya 20% nilainya. Macam mana pula dengan rumah yang saya beli pada tahun 1978 nilainya RM62,000 tetapi sekarang boleh dijual dengan RM190,000 jadi maknanya tiga

kali ganda lebih tinggi. Kalau RM14,000 dahulu tiga kali ganda itu barulah sekurang-kurangnya kalau tidak memuaskan, sekurang-kurangnya setimpal dengan keadaan kenaikan nilai harga harta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Schedule. Di bawah Schedule ini saya hendak cepat, kalau tidak saya memang panjang bercerita. Di bawah schedule ini ada mengatakan bermacam-macam penyakit seperti yang potong jari, potong tangan, potong thumb, potong kaki dan bermacam-macam. Tetapi apa yang tidak disebutkan di sini ialah 'laceration', disfiguration, muka sahaja disebut, tetapi kepala tidak ada. Kenapa saya sebut ini Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara ini berlaku di kawasan saya juga, seorang anak perempuan yang berumur 18 tahun bekerja di kilang, saya tidak tahu macam mana boleh berlaku, rambut yang dibuat pintar itu masuk ke dalam mesin, ditarik oleh mesin tetapi orang tarik badannya. Jadi semua scabnya Tuan Yang di-Pertua, terkeluar daripada kepala sehingga sekarang kepalanya tidak ada rambut lagi dan tidak ada kulit pun, tetapi dia masih hidup. Saya tidak tahu kerana perkara ini berlaku pada tahun tujuh puluhan. Saya mengetahui perkara ini apabila dia berjumpa dengan Y.B. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta satu - rambut palsu, barulah saya kenal yang budak perempuan ini telah mengalami kemalangan di kilang, orang dari Kampung Tebelu mendapat kemalangan di kilang, di Kuching.

Tuan Yang di-Pertua, Schedule ini belum mencukupi. Jadi, kalaulah diberi peluang dalam Schedule ini mengatakan ada permanent disfiguration lain yang disebutkan sekurang-kurangnya bolehlah dikategorikan penyakit-penyakit ataupun kemalangan-kemalangan tertentu di bawah apa yang saya sebutkan tadi.

Ingin saya menyentuh mengenai soal tuntutan. Tuntutan ini memang saya setuju dalam soal workmen compensation ini kerana inilah hala yang kita tujukan iaitu No Fault Claims, kerana masalah claim yang ada pada masa sekarang ialah tuntutan melalui undang-undang sivil di mahkamah. Undang-undang sivil di mahkamah seperti

masalah kelambatan dan sebagainya, kadang-kadang insurans pun boleh bankrap. Ada orang tidak percaya insurans boleh bankrap.

Dahulu QBE Insurance yang bankrap, sampai sekarang saya minta sebut di sini kerana saya ada kepentingan sendiri ada kes yang masih dituntut di QBE Insurance, pada tahun 1988 tahun bankrap sehingga sekarang belum keluar. Jadi, bermakna selama 7 tahun belum settle lagi, tetapi orang yang mati, tetap mati juga. Anak yang tidak terbela itu masih tetap tidak terbela juga. Seperti Mercantile Insurance yang baru lalu, Gabenor Bank Negara sendiri berjanji yang settlement semua, tuntutan yang dibuat dalam masa 6 bulan ke setahun mesti siap katanya.

Saya ada kes yang hampir 1½ tahun belum selesai lagi, bahkan ada Yang Berhormat yang seorang peguam juga membuat tuntutan dengan Bank Negara, tetapi sampai sekarang tidak selesai. Saya tahu sendiri yang QBE Insurance, liquidated oleh Samad and Co. dan Mercantile Insurance diliquidate oleh Ernst & Young.

Tetapi kenapa pula Encik Abdul Samad ini dilantikkan oleh pihak Bank Negara? Jadi, Encik Abdul Samad ini bogged down dengan kerja liquidation banyak sangat, jadi tak ada boleh buat, sampai sekarang pun tak siap liquidation dia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah soalan pampasan kepada pihak pekerja sepatutnya diberi penekanan dan pihak Bank Negara sepatutnya peka, jangan menggunakan satu orang sahaja, berilah panel, berilah peluang kepada orang lain buat supaya liquidation dipercepatkan dan tuntutan itu dipercepatkan supaya orang yang sepatutnya menerima sudah menerima pampasan-pampasan dari pihak kerajaan. Bukan sahaja daripada soalan workman compensation sahaja, tetapi mana-mana pampasan ataupun mana-mana tuntutan daripada pihak pekerja-pekerja sepatutnya dapat dipercepatkan, kerana orang yang sepatutnya menikmati sama ada pekerja itu

sendiri yang telah menjadi mangsa ataupun warisnya kalau dia meninggal dunia, sepatutnya menikmati tuntutan seberapa yang boleh, dan kita meringankan bebanan-bebanan yang mungkin ditimpa selepas kemalangan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya berjanji dengan secepat untuk menghabiskan perbahasan saya, cerita-cerita lain yang banyak saya hendak cerita, dengan harapan masa yang akan datang saya dapat bahaskan, dalam soalan sumber manusia, terutama dari segi Civil Law Act dan sebagainya, saya akan tundakan pada masa-masa yang lain, dan kepada Menteri, saya ucap selamat jalan, selamat pergi ke Istanbul, dan terima kasih, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kelang.

**6.02 ptg.**

**Dr. Tan Yee Kew [Kelang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pampasan Pekerja.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia kerana telah mengemaskini Akta Pampasan Pekerja 1952. Akta ini akan memberi perlindungan yang sewajarnya kepada pekerja asing di negara ini. Usaha ini telah membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah mengambil berat terhadap kebajikan pekerja asing. Sedang kita menggunakan usaha pekerja asing untuk mencipta pertumbuhan ekonomi, kita tidak lupa menjamin

bahawa mereka dapat perlindungan insurans apabila kemalangan terjatuh kepada mereka.

Walaupun akta ini telah dipinda pada tahun 1982, tetapi saya rasa pertambahan amaun pampasan atau denda seperti yang dicadangkan dalam pindaan yang dibentang hari ini adalah perlu, memandangkan nilai mata wang negara telah menurun sejak 14 tahun yang lepas. Walau bagaimanapun, saya kurang faham mengapa dalam definisi pekerja akta tersebut, pendapatan seseorang pekerja yang boleh melayakkan beliau menerima pampasan masih tidak berubah, iaitu tidak melebihi RM500.

Tuan Yang di-Pertua, 14 tahun yang lalu, pendapatan RM500 sebulan mungkin boleh dianggap sebagai pendapatan yang agak lumayan. Tetapi pada hari ini, taraf gaji pekerja-pekerja telah berubah. Umpamanya, gaji harian seorang buruh binaan yang berpengalaman adalah di antara RM30.00 dan RM50.00 sehari. Ramai pekerja kilang yang berkemahiran di kawasan Lembah Kelang ini telah menerima gaji lebih kurang RM20.00 sehari. Kalau dikira pendapatannya dalam masa sebulan, mungkin ia menjangkau lebih kurang RM1,000 sebulan atau lebih. Oleh itu, definisi pekerja, kalau tidak diubah, akan menyisih ramai pekerja dari akta tersebut. Jadi, saya berharap pihak kementerian akan memberi pertimbangan yang sewajarnya dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam cadangan pindaan Jadual Pertama dan Kedua, senarai kecederaan dan senarai penyakit pekerjaan telah diperluaskan. Mengiktiraf dan menyenaraikan penyakit barah atau kanser sebagai salah satu penyakit pekerjaan

merupakan satu langkah besar ke hadapan. Kami mengalu-alukan perubahan ini. Tetapi saya ingin mencadangkan penyakit AIDS yang telah mula merebak di negara kita ini juga dimuatkan di dalam senarai penyakit tersebut. Langkah ini adalah penting dalam melindungi pekerja-pekerja dan jururawat-jururawat yang bekerja di hospital-hospital dan institusi-institusi penyelidikan perubatan. Pekerja-pekerja ini sering tersentuh dengan darah, dengan izin, 'infrequent contact' dengan darah atau specimen darah, dan terdedah kepada risiko mendapat AIDS. Tetapi buat sementara ini mereka tidak mendapat sebarang perlindungan pun di bawah akta ini.

Satu lagi penyakit yang saya percaya harus dimuatkan dalam senarai ini ialah penyakit jantung yang merupakan penyakit kedua terbesar membawa maut di negara kita. Penyakit jantung sering dikatakan penyakit orang berada, dengan izin, rich man disease.' Tetapi kenyataannya, golongan pekerja berpendapatan rendah juga tidak terkecuali daripada serangan penyakit ini. Antara sebab-sebab berlakunya penyakit ini adalah tekanan. Tekanan atau 'stress' dengan izin, di tempat kerja berlaku di semua peringkat pekerja. Siapa yang berani mengatakan buruh kasar tidak mengalami tekanan di tempat kerja? Para pemandu yang harus mengharungi kesesakan lalu lintas setiap hari dan para pekerja kilang yang didesak supaya mencapai tahap pengeluaran yang dikehendaki adalah beberapa contoh yang jelas betapa pekerja-pekerja mengalami tekanan dalam menjalani tugas seharian mereka. Bagi pekerja-pekerja asing, bekerja di tempat kerja yang baru dan mengubah suai cara hidup di negara lain juga mengakibatkan kekhuatiran dan tekanan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, ramai pekerja yang telah di'insured' oleh majikan mereka di bawah akta ini atau lain-lain pertubuhan seperti Perkeso tidak menyedari bahawa perlindungan insurans yang diberi tidak menyeluruh. Oleh itu, ramai pekerja atau keluarganya merasa terperanjat, kekeliruan dan putus asas apabila mereka gagal mendapat tuntutan. Saya telah berhadapan dengan seorang janda yang mempunyai ramai anak kecil yang telah mengaku bahawa beliau telah diberitahu oleh pihak Perkeso bahawa beliau tidak boleh menuntut sebarang pampasan walaupun suaminya telah meninggal dunia di tempat kerja, iaitu Workers Institute of Technology, Klang setelah bekerja di situ selama 16 tahun. Suami janda yang malang ini telah diserang penyakit jantung, satu penyakit yang tidak dijadualkan sebagai penyakit pekerjaan.

Dalam usaha untuk melindungi golongan pekerja-pekerja asing atau tempatan berpendapatan rendah yang menjadikan objektif utama akta ini, adalah penting kita memastikan senarai penyakit pekerjaan ini meliputi seberapa banyak penyakit yang boleh. Saya rasa telah tiba masanya bagi kita Ahli-ahli Yang Berhormat yang menggubal undang-undang di dalam Dewan ini, membuat pindaan ke atas akta ini supaya matlamat sebenarnya tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu skim insurans yang sempurna dan menyeluruh tidak akan menjamin perlindungan yang berkesan kepada pekerja-pekerja sekiranya syarikat insurans berkenaan memakan masa yang lama untuk memproses permohonan tuntutan atau mengelak daripada membayar pampasan ataupun melambatkan

pembayaran. Oleh itu, cadangan pindaan kepada Seksyen 26 adalah dialu-alukan kerana ia bermaksud untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya rasa sesuai bagi saya membangkitkan pengalaman yang kita perolehi dengan Perkeso sebagai suatu pertubuhan insurans yang terbesar sekali dan khas untuk pekerja-pekerja. Pengalaman Perkeso akan membantu kita dalam pindaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, dua hari yang lalu, Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia telah memaklumkan kepada Dewan ini bahawa kebanyakan permohonan tuntutan Perkeso dapat dijelaskan dalam tempoh tiga bulan. Bukan maksud saya untuk menyangkal kenyataan tersebut tetapi sebagai Ahli Parlimen dari satu kawasan di mana ramai daripada penghuninya terdiri daripada pekerja-pekerja kilang dan pekerja-pekerja pelabuhan, dalam tempoh satu tahun yang lalu sahaja saya telah menerima 15 kes aduan dan rayuan meminta bantuan untuk mendapat tuntutan Perkeso. Antara kes-kes ini ada yang telah mengambil masa selama satu tahun atau lebih tetapi masih belum diselesaikan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kakitangan-kakitangan Perkeso yang telah membantu menyelesaikan beberapa kes walaupun masih ada beberapa kes yang belum diselesaikan oleh sebab-sebab yang tertentu. Saya faham sebab yang terutama yang mengakibatkan kelewatan dalam memproses permohonan-permohonan ialah kerana banyak permohonan diterima. Dalam kes Perkeso kira-kira 130,000 permohonan ditandatangani setahun. Keadaan

dan masalah yang sama dihadapi oleh syarikat insurans swasta termasuk syarikat insurans yang besar.

Oleh itu, sesuatu terpaksa dilakukan untuk mengurangkan red-tape, dengan izin, dalam pentadbiran agar kelewatan dalam memproses semua permohonan ini dikurangkan kepada sifar peratus. Sebab kelewatan dalam memberikan pampasan boleh mengakibatkan penderitaan yang teruk kepada keluarga yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, perlindungan yang diperuntukkan dalam undang-undang ini bermakna hanya bila pekerja-pekerja sedar hak-hak mereka. Saya rasa, ramai pekerja asing, khususnya mereka yang bekerja untuk sub-kontraktor dan mereka yang tidak mempunyai permit kerja yang sah tidak dapat diinsuredkan oleh majikannya. Selain daripada itu, ramai pekerja asing juga kurang faham hak mereka untuk menuntut pampasan di bawah penyakit pekerjaan.

Saya ingin meminta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapakah tuntutan insurans yang telah dibuat oleh pekerja-pekerja asing dalam dua tahun yang lalu dan di antaranya berapa di bawah kategori penyakit pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia dalam usahanya memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja asing dan saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas. Dengan ini saya memohon menyokong. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**6.15 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa yang pendek sahaja kerana saya pun hendak bekerjasama dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang hendak keluar negara.

Tuan Yang di-Pertua, semalam apabila Yang Berhormat membentangkan rang undang-undang untuk melatih semula ataupun melatih pekerja-pekerja, saya pun ada menekankan betapa pentingnya kita meneliti dan mengawasi apa yang berlaku, misalnya daripada tahun 1953 sehingga tahun 1996, kerajaan mengeluarkan daripada levinya lebih RM164 juta untuk melatih semula seramai lebih 800,000 orang pekerja dengan wang yang begitu besar dan levi yang dikutip daripada majikan-majikan. Kita berharap pihak kementerian dapat menyusul kerjanya untuk memastikan apa yang disebutkan latihan ataupun latihan semula itu benar-benar berlaku. Ini yang penting sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun mengalu-alukan pindaan ini kerana tepat dan bersesuaian pada masanya, iaitu pada masa untuk menaikkan kadar pampasan 20%. Cuma ada beberapa perkara yang hendak saya cadangkan di sini, yang pertamanya, kita mestilah mempertingkatkan keselamatan di tempat kerja. Saya nampak ada kurang sedikit, misalnya kadar kematian di tempat kerja. Misalnya dalam tahun 1993 ada lebih 133,000 kemalangan dan 653 kematian. Pada tahun 1994 lebih 122,000

kemalangan dan hanya 534 kematian dan seterusnya kadar kematian itu sudah turun.

Ini satu gejala yang baik.

Saya berharap pihak kementerian dapat mempertingkatkan lagi usahanya untuk mengurangkan kemalangan di tempat-tempat kerja. Itulah cara yang terbaik sekali untuk para pekerja daripada memberi pampasan untuk kecederaan ataupun kematian.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mencadangkan di sini, bahawa cara untuk mewajibkan majikan membeli polisi insurans untuk melindungi pekerja-pekerja. Saya pun tak tahu keberkesanan pihak kementerian untuk melaksanakan dasar ini. Walau bagaimanapun, cadangan saya ialah mungkin kita boleh mempertimbangkan cara mengutip daripada gaji pekerja sepertimana yang dibuat untuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), mungkin itu lebih berkesan. Itu cadangan saya, saya pun tak tahulah sama ada pihak kementerian sudah mempertimbangkan cara ini untuk memastikan semua pekerja dapat pampasan dengan adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Jabatan Buruh akan menafsirkan amaun pampasan dan kemudian pihak majikan yang berkenaan akan mengurus dengan penanggung insurans untuk menyelesaikan bayaran pampasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, cuma dalam lebih satu dekad ini, saya nampak pekerja-pekerja yang cedera, yang berjumpa dengan saya, penafsiran yang dibuat oleh pihak Jabatan Buruh itu kadangkala terlalu lambat. Ini memang menyusahkan pekerja itu dan saya berharap dari segi ini, pihak kementerian dapat memberi perhatiannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pekerja-pekerja asing. Saya bersetuju pekerja-pekerja sama ada asing ataupun tempatan, kita mesti memelihara para pekerjanya daripada pelbagai segi termasuk aspek perikemanusiaan dan hak-hak asasi pekerja-pekerja. Kita mesti menjaga semua sama ada pekerja tempatan ataupun asing. Cuma di sini, kalau pekerja-pekerja itu bekerja secara haram tanpa izin, tanpa permit kerja, apakah masalahnya? Adakah ini bermakna apabila rang undang-undang ini menjadi akta kelak, bila dikuatkuasakan adakah ini untuk pekerja-pekerja tanpa permit?

Walaupun saya berharap semua pekerja itu akan mendapat permit untuk pekerja asing, tetapi kebanyakan tidak. Kalau tidak, apakah akan terjadi dengan masalah pampasan? Sebab di dalam rang undang-undang tidak disebutkan, cuma yang disebutkannya pekerja asing sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dicadangkan oleh pihak Ahli Yang Berhormat dari Klang tadi daripada pengalaman Perkeso dan juga saya nampaknya akan wujudnya satu jenis skim yang mirip kepada Perkeso untuk kakitangan awam tidak lama lagi dan pihak kementerian memang mempunyai pengalaman di dalam Perkeso, besar kemungkinan pengalaman ini akan digunakan untuk rang undang-undang ataupun akta ini untuk masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya ada beberapa perkara yang di dalam akta ini, di dalam rang undang-undang ini yang saya tidak begitu puas hati iaitu mengenai denda yang dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 7, menambahkan denda yang dikenakan bagi ketidakpatuhan Seksyen 13(1) daripada denda maksimum sebanyak RM1,000 bagi kesalahan pertama dan RM5,000 bagi mana-mana kesalahan berikutnya kepada denda maksimum RM5,000 bagi kesalahan pertama dan RM10,000 bagi mana-mana kesalahan berikutnya. Bagi saya, denda ini terlalu ringan dan tidak begitu berat sangat. Sepatutnya bagi denda maksimum bagi kesalahan pertama kita tingkatkan kepada RM8,000, misalnya dan untuk kesalahan seterusnya RM15,000. Dengan kadar inflasi sekarang ini, RM5,000 itu tidak banyak sangat. Bagi Fasal 8, penalti - denda maksimum daripada RM2,000 kepada RM5,000. Ini pun bagi saya tidak begitu berat. Mungkin Yang Berhormat boleh mempertimbangkan untuk tambah kepada RM8,000 bagi Fasal 8.

Tuan Yang di-Pertua, saya seringkali mengalami kesusahan untuk menguruskan membantu para pekerja yang cedera. Misalnya, di dalam senarai ini kita nampak Jadual Pertama dan Kedua - untuk loss of both hand or ambitation or loss of the hand and foot, dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, memang ini mengambil masa. Pihak pekerja yang berkenaan, sekarang terpaksa pergi ke Hospital Kuala Lumpur. Hospital Kuala Lumpur ini memang sesak. Kalau hendak mendapatkan rawatan atau tafsiran dari pakar ortopedik, ia memang mengambil masa yang panjang, kadangkala bertahun-tahun. Bolehkah kementerian mengadakan pakar khusus untuk pekerja-pekerja seperti ini? Tidak payah mereka tunggu lama-lama di hospital untuk diperiksa oleh pihak

pakar ortopedik. Kita beri khas untuknya dan pendekkan masa untuk rawatan dan tafsiran - itu caranya, kadangkala sampai 5 tahun atau lebih, tetapi tidak dapat lagi. Ini masalahnya, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun saya nampak ada usaha ke arah untuk memperbaiki kaedah, tetapi tidak disebutkan macam mana kaedah baru ini digunakan. Saya cadangkan supaya ada doktor pakar yang khusus untuk hal ini. Kalau ada pekerja yang malang itu, dia terus tuju kepada doktor pakar, tidak payah tunggu lagi, takkan di dalam satu hari itu ada 30 ataupun 50 pekerja yang cedera - tidak ada. Itu caranya, Tuan Yang di-Pertua.

Itu untuk pakar ortopedik dan di dalamnya saya nampak occupational Schedule yang kedua - occupational diseases, misalnya, arsenik - ini memang memerlukan doktor pakar juga untuk menafsirkan setakat mana arsenik ini merosakkan keupayaan untuk bekerja dan sebagainya. Dan daripada Schedule (jadual) ini, saya berharap pihak kementerian dapat berusaha untuk mendapatkan pakar-pakar dengan cepat bagi pekerja-pekerja. Misalnya arsenik, pakar untuk arsenik ini tidak banyak, mungkin sekarang tidak ada di dalam hospital kita dan bagaimana kita boleh menafsirkan mereka? Ini masalahnya, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak macam mana? Mereka terpaksa menunggu bertahun-tahun untuk mendapatkan pampasan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya berharaplah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengkaji dengan baik untuk memendekkan tempoh untuk mendapatkan pampasan bagi pekerja-pekerja yang malang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila menjawab.

**6.28 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, Kelang dan Kepong yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Banyak daripada pandangan mereka, ada juga di antara pandangan-pandangan mereka itu sama, jadi saya ingin menjawabnya sekali gus.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar telah membangkitkan mengenai berbagai masalah mengenai kemalangan yang berlaku di Sarawak. Laporan tentang kemalangan yang menimpa pekerja tidak semestinya perlu datang dari pekerja berkenaan atau ahli keluarganya sahaja sebelum tindakan diambil oleh Jabatan Buruh. Setiap laporan akan diberi perhatian tidak kira dari mana datangnya, sama ada daripada pekerja lain atau orang awam atau sebagainya. Sebenarnya, di bawah Akta ini majikan diwajibkan untuk melapor tentang kemalangan yang menimpa pekerjanya. Majikan juga boleh didakwa jika gagal untuk berbuat demikian. Buat masa sekarang Jabatan Buruh mempunyai keupayaan untuk memastikan bahawa setiap kemalangan di tempat pekerjaan dilaporkan.

Mengenai sesi penerangan pula, ingin saya menyatakan bahawa Jabatan Buruh semenangnya menganjurkan sesi penerangan dari semasa ke semasa mengenai hal buruh sebagai usaha untuk menguatkan kefahaman pekerja mengenai undang-undang.

Seseorang pekerja yang tercedera itu hendaklah mendapatkan rawatan doktor bagi memudahkan tindakan diambil ke atas tuntutananya. Bagaimana kalau ianya tidak mendapat rawatan doktor tetapi mendapat rawatan bomoh dan sebagainya? Ingin saya menyatakan bahawa di bawah akta yang sedia ada, Ketua Pengarah masih mempunyai kuasa untuk memerintah majikan pekerja yang berkenaan membayar pampasan dalam amaun yang berpatutan dengan kecederaan yang dialaminya. Bermakna Ketua Pengarah memang mempunyai discretion yang luas untuk bertindak adil kepada pihak-pihak pekerja.

Begitu juga mengenai penyakit khidmat yang mana dapat dikesan selepas begitu lama, maka ingin saya menyatakan bahawa penyakit macam itu juga boleh mendapat pampasan asalkan pihak perubatan mengesahkan bahawa penyakit itu sememangnya berpunca daripada pekerjaan.

Mengenai kelewatan mendapat bayaran dari syarikat-syarikat insurans ataupun syarikat-syarikat insurans yang melengah-lengahkan tuntutan dan sebagainya, maka pihak kementerian memang bersetuju dengan masalah-masalah yang pelbagai yang timbul dari syarikat insurans, maka itulah sebabnya maka pindaan-pindaan ini dibuat di mana pihak kementerian akan adakan satu penal syarikat-syarikat insurans dan semua syarikat insurans yang hendak memasuki dalam panel tersebut, hendaklah diluluskan oleh pihak Menteri Sumber Manusia. Ini sedikit sebanyak dapat memastikan bukan sahaja syarikat-syarikat insurans tersebut akan bekerjasama dengan pihak kerajaan untuk memastikan peraturan-peraturan itu dipermudahkan bagi pembayaran dibuat

kepada pekerja dan di samping itu juga, mereka mempunyai kemampuan untuk membuat bayaran-bayaran tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar juga telah menyatakan bahawa jumlah kenaikan adalah agak rendah jika dibandingkan daripada tahun 1977 iaitu pampasan yang dibayar itu dinaikkan hanya 20%, beliau menyatakan itu rendah. Ingin saya menyatakan bahawa angka ini pada ketika ini adalah dirasakan berpatutan, namun demikian, angka ini sudah tentu akan disemak dari semasa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Kelang telah menyatakan tentang kelewatan yang berlaku. Sukacita saya menyatakan bahawa Piagam Pelanggan Perkeso dan sedikit sebanyak ini akan juga melibatkan Jabatan Buruh telah menjanjikan bayaran ke atas tuntutan dibuat, hendaklah akan dibuat dalam masa tempoh tiga bulan setelah segala maklumat dokumen lengkap diterima oleh Perkeso. Sebab-sebab yang berlaku kelewatan ini ialah:

- (i) dokumen tidak lengkap apabila dikemukakan kepada Jabatan Buruh;
- (ii) maklumat lewat terima daripada majikan dan juga pekerja yang menuntut; dan
- (iii) kelewatan mendapat laporan perubahan.

Maka, mengenai perkara ini sebagaimana yang telah saya nyatakan, Jabatan Buruh dari semasa ke semasa mengadakan kursus, seminar dan sebagainya, bukan sahaja kepada pekerja tetapi juga kepada pihak majikan supaya perkara-perkara ini dapat diatasi.

Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa kadangkalanya ianya mengambil masa sehingga setahun untuk mendapat pembayaran. Saya rasa, ini mungkin ada sesuatu masalah yang tertentu dan kalau ada kes-kes spesifik seperti ini, maka saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat berhubung terus dengan Jabatan Buruh ataupun berhubung terus dengan saya dan kita, insya-Allah dapat menyelesaikannya. Saya yakin, ini mungkin berlaku oleh sebab ada suatu kes yang tidak dapat diselesaikan.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kelang yang telah pun memberi beberapa pandangan seperti memperluaskan penyakit-penyakit yang diberi perlindungan seperti AIDS, heart attack dan sebagainya. Insya-Allah, perkara-perkara ini, pihak kementerian akan mengambil perhatian dan kita akan mengkajinya dari semasa ke semasa.

Ada perkara-perkara yang lain yang meminta beberapa angka dan sebagainya, saya ingin menyatakan bahawa saya akan memberi angka-angka ini secara betulis kemudian kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah pun memberi beberapa pandangan. Saya ingin memberi janji kepada beliau bahawa beberapa pandangan dari beliau itu akan diambil perhatian oleh pihak kementerian. Kita akan kaji dan di mana patut, kita akan laksanakan.

Cuma satu perkara yang saya rasa perlu saya jawab iaitu mengenai pekerja haram, pekerja yang tidak sahlah. Ingin saya menyatakan bahawa undang-undang ini

hanya memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja asing yang datang ke Malaysia secara sah, kalau tidak sah memang kita tidak beri perlindungan, malah kita akan tangkap dia dan hantar balik! Dan majikan yang memberi pekerjaan kepada pendatang haram itu akan dihukum. Jadi, tidak ada atimbul soal hendak memberi perlindungan kepada orang asing.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Kepong, bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kalau seseorang pekerja yang haram itu malangnya mati, apakah yang boleh dibuat oleh pihak kementerian selain daripada menghukum pihak majikan?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Memang kita tidak membenarkan orang-orang asing datang ke negara kita secara haram. Ini undang-undang. Jadi, memanglah saya tahu pada ketika ini ada juga banyak pekerja-pekerja yang tidak sah ini dapat rawatan daripada klinik-klinik perubatan swasta dan mereka mungkin terpaksa juga memberi rawatan ini di atas sebab-sebab peri kemanusiaan dan sebagainya. Tetapi, kalau pihak kerajaan kesan kehadiran mereka dalam negara ini sudah tentu kita akan tangkap.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah sedikit sebanyak jawapan saya. Kalau ada apa-apa yang saya tertinggal, saya mohon maaf, tetapi yang lain-lainnya kita akan

ambil perhatian dan kita akan laksanakan dan semua dasar-dasar ini akan dikajikan dari semasa ke semasa dan diperbaiki seterusnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 10** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 malam.*

